

Jilid I
Bil. 86



Hari Khamis
10hb November, 1983

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 12161]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1984

Jawatankuasa—

Jadual:

Maksud B. 1 hingga B. 15 [Ruangan 12200]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1984

Jawatankuasa—

Maksud P. 7 hingga P. 9 [Ruangan 12200]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, DATO MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI
DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J.,
D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T. (Kubang
Pasu).

„ Timblan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO'
MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S.
(Panti).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO
YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S.,
P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN
SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH
BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO'
AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJI BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P.,
S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH,
D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M.,
J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG,
D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T.,
P.P.T. (Kuala Terengganu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK
IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ,
D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD,
P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

- Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Penerangan, TUAN MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri merangkap Duta Besar, Malaysia ke Indonesia, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J. P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATUK DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* Rosemary Chong, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J. P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHAMED KHALIL YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU (Keningau).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikie).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, A.M.P. (Telok Anson).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K., (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P. (Kuantan).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULAIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ DATUK HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FAUD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).

Yang Berhormat TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).

- „ TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSUR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S, P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEE SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).

- Yang Berhormat TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASARI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M. (Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHBUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).

Yang Berhormat TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P, J.P. (Damansara).

- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S. S.M.S., K.M.N. (Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Nghoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 10hb November, 1983

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang***DOA**

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**PERSIDANGAN BANGSA-
BANGSA BERSATU
DI GENEVA**

1. Wan Ibrahim bin Wan Abdullah minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah hasil yang dicapai di dalam Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai masalah Palestin yang diadakan di Geneva baru-baru ini. Apakah peranan Malaysia dalam persidangan itu dan bagaimana keputusan-keputusan itu hendak dilaksanakan.

Menteri Luar Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang Dipertua, soal terpenting Persidangan Geneva ini ialah persidangan yang begitu luas penyertaannya telah dengan sebulat-suara menerima prinsip-prinsip, pokok-pokok serta rancangan tindakan yang khusus bagi menyelesaikan soal Palestin. Rancangan ini ada dalam bentuk dua dokumen. Satu dokumen deklarasi politik dan satu lagi adalah Program Tindakan yang dikatakan Program Tindakan Geneva. Dari hal deklarasi politik ini mengandungi kenyataan

dan prinsip-prinsip yang menyokong bahawa rakyat Palestin mempunyai hak-asasi. Hak-hak asasi yang sah terhadap kemerdekaan dan kedaulatan Tanahair mereka dan bahawa pihak Israel hendaklah berundur dari semua wilayah Arab dan Palestin yanguduknya sejak tahun 1967 termasuk bandar suci Baitul-Maqdis.

Manakala program tindakan yang diterima oleh persidangan Geneva ini adalah program tindakan yang kita gubal di Kuala Lumpur dahulu, di dalam erti-kata isi format dan pendekatannya. Program Tindakan Kuala Lumpur ini telah saya jelaskan dengan panjang-lebar dalam Dewan yang mulia ini pada 1hb Ogos. 1983 semasa menjawab soalan dari Yang Berhormat dari Silam, Sabah iaitu Tuan Abdullah Haji Abdul Hamid, dalam secara ringkas biarlah saya terangkan sekali lagi apa dia Program Tindakan Kuala Lumpur itu. Program Tindakan ini telah meletakkan tanggungjawab menyelesaikan masalah Palestin ini kepada Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu dan teras utamanya adalah meminta majlis tersebut mengambil-alih kuasa di wilayah Arab Palestin, iaitu Tebing Barat Sungai Jordan dan Semenanjung Gaza yang ketika ini tidak diperintah oleh pihak yang berhak, oleh pihak yang sah sejak 36 tahun yang lalu sejak Bangsa-bangsa Bersatu menentukan sempadan dua buah wilayah bagi kaum Arab Palestin dan lagi satu bagi kaum yang mengikut resolusi 181 (247). Inilah yang menjadi pokok dan punca masalah Palestin.

Program Tindakan Kuala Lumpur ini juga telah menggariskan langkah-langkah yang perlu diambil oleh Majlis Keselamatan bagi menubuh sebuah negara Palestin yang merdeka dan berdaulat di Tanahair mereka sendiri. Tindakan Majlis Keselamatan ini seperti yang terkandung dalam Program Tindakan Kuala Lumpur adalah amat penting dan boleh dilaksanakan sepertimana masalah Terusan Suez pada tahun 1956 dan Congo pada tahun 1961 diselesaikan. Oleh itu, sekarang mengapa tidak Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu menghidupkan kembali semangat mencapai kedamaian seperti yang ditunjukkan pada tahun lima-puluhan dan enam-puluhan dahulu bagi menyelesaikan soal Palestin ini.

Jadi persidangan Geneva telah menerima langkah yang digariskan dalam Program Kuala Lumpur dan juga bersetuju agar Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu mengadakan satu persidangan damai, persidangan damai antarabangsa mengenai Asia Barat yang melibatkan Amerika Syarikat, Soviet Union, anggota Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu yang lain, negara-negara Arab, PLO dan Israel. Penerimaan ini adalah kerana mereka mendapati bahawa penyelesaian ke atas soal Palestin tidak dapat diselesaikan dan ditetapkan oleh mana-mana kuasa secara persendirian. Sesungguhnya penyelesaian tidak dapat dicapai tanpa penglibatan Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu terutamanya tanpa bergandingan di antara Amerika Syarikat dan Soviet Union yang boleh menjamin keselamatan dan menghapuskan rasa kebimbangan negara-negara yang terlibat termasuk Syria, Jordan, Lubnan, Mesir, PLO dan Israel. Ini adalah kerana persidangan damai akan membincangkan dan menyelesaikan soal-soal penentuan sempadan yang selamat untuk kedua-dua negara iaitu negara Israel dan

Palestin, kepulauan orang-orang pelarian dan penamatan peperangan. Ini bererti usaha-usaha di luar Bangsa-bangsa Bersatu tidak akan dapat menyelesaikan soal Palestin ini malah akan menyebabkan soal Palestin ini menjadi rumit dan sukar diselesaikan.

Satu perkembangan yang penting di persidangan Geneva itu, selain daripada 138 buah negara, persidangan ini juga dihadiri oleh seramai 16 orang tokoh-tokoh terkenal yang di dunia terkenal termasuk bekas Presiden Mexico, bekas Ahli Kongres Amerika, bekas Setiausaha Luar Britain, bekas Menteri Indonesia iaitu Sdr. Roslan Abdul Ghani dan juga empat orang penganjur gerakan damai iaitu peace movement daripada Israel sendiri. Kesemuanya telah memberi sokongan secara terbuka kepada PLO dalam soal penubuhan sebuah negara Palestin di Tebing Barat Sungai Jordan dan Semenanjung Gaza dengan Jerusalem Timur sebagai ibu negara Palestin. Ini bererti dan saya yakin terdapat golongan yang besar di Israel sendiri yang ingin kepada perdamaian yang menyeluruh dengan PLO dan negara-negara Arab yang lain dan membuktikan mereka telah bosan dan telah jemu dengan usaha-usaha partial settlement seperti perjanjian Kem David dan tindakan pencerobohan serta pengluasan wilayah oleh Israel ke atas Lubnan dan lain wilayah Arab.

Selain daripada tokoh-tokoh kenamaan Israel yang merupakan bekas anggota Parlimen dan bekas pemerintah tentera Israel di Senai yang berpangkat Major General, lain-lain tokoh dari Britain dan Amerika Syarikat pula mula menyoal dasar-dasar dan pendirian Kerajaan mereka terhadap Kerajaan Israel serta tindakan-tindakan ke atas mencari penyelesaian soal Palestin khasnya dan konflik Asia Barat amnya.

Pemimpin PLO sendiri saudara Yasser Arafat juga dalam ucapan telah melahirkan penerimaan PLO terhadap kumpulan gerakan damai Israel itu. Itu adalah satu perkembangan yang penting yang mana terdapat golongan di Israel, Amerika Syarikat dan Britain yang menunjukkan sikap untuk mahu hidup bersama aman damai sebagai dua negara yang berdaulat. Ini bermakna PLO kini bukan sahaja telah menerima akan kewujudan sebuah negara Israel tetapi juga telah menerima rakyatnya yang buka Zionis. Yang mereka tentang ialah Zionis. Ini adalah selaras dengan Resolusi 181 tahun 1947 yang telah membahagikan wilayah yang di bawah mandat Britain ketika itu iaitu Palestin kepada sektor Arab/Palestin dan sektor Yahudi. Persidangan yang sebulat suara di persidangan antarabangsa mengenai soal Palestin ini adalah satu persetujuan yang luar biasa yang tidak pernah wujud sejak 36 tahun yang lalu. Persetujuan ini tidak mungkin akan tercapai kalaulah tidak kerana Program Tindakan Kuala Lumpur di mana Malaysia telah berhati-hati menggubal suatu formula yang boleh diterima oleh semua pihak.

Dalam hubungan ini, saya sebagai Pengerusi persidangan bagi kawasan Asia telah memberi penjelasan dan penghuraian terperinci mengenai Program Tindakan tersebut kepada pemimpin-pemimpin dunia termasuk Pengerusi PLO, Encik Yasser Arafat, Farouk Khadumi dan lain-lain delegasi dari Latin Amerika, Afrika dan EEC semasa di Geneva. Sebelum Persidangan Geneva, saya sendiri telah berbincang dengan Perdana Menteri Perancis dan Setiausaha Negara Amerika Syarikat dan Menteri Luar Britain dan Jerman Barat. Program Tindakan Geneva ini sekarang berada dengan Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu. Sebagai Timbalan Pengerusi Persidangan di Geneva Malaysia akan

terus berusaha agar Program Tindakan Geneva akan mencapai kejayaan.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri Luar Negeri menyatakan di Bangsa-bangsa Bersatu memberi sokongan terbuka seramai 16 pemimpin besar dunia di mesyuarat Bangsa-bangsa Bersatu itu telah menyokong Palestin ini tetapi adakah dengan kata-kata atau ayat sahaja, apakah kekesanan sikap Bangsa-bangsa Bersatu terhadap Palestin sama ada dipatuhi.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang Dipertua, barangkali penerangan saya tadi kurang terang. Perjumpaan di Geneva itu adalah perjumpaan yang diatur oleh United Nations bukan perjumpaan Bangsa-bangsa Bersatu iaitu ada suatu committee yang mengaturnya supaya apa yang berhasil di Geneva itu akan disampaikan kepada Bangsa-bangsa Bersatu. Jadi, di Bangsa-bangsa Bersatu nanti kelak maka perkara ini dipertimbangkan mengikut perakaunan apa yang dibuat di Geneva.

Dato Haji Saidin bin Mat Piah: Soalan tambahan. Tuan Yang Dipertua. Tadi Yang Berhormat Menteri telah menerangkan bahawa di dalam persidangan di Geneva boleh dikatakan sebulat suara telah menerima prinsip-prinsip pokok, satu daripadanya berkenaan dengan dokumen berkenaan dengan deklarasi politik, yang kedua berkenaan dengan Program Tindakan Kuala Lumpur.

Jadi, di antara mereka yang menerima kedua-dua prinsip pokok ini termasuklah PLO yang dipimpin oleh Yasser Arafat.

Saya ingin bertanya mengapa dan kenapa selepas sahaja Persidangan Geneva ini dibuat berlaku perpecahan

di dalam kepimpinan PLO sendiri di Lubnan. Adakah kerana puak-puak yang menentang ini kerana tidak bersetuju dengan sikap Arafat yang menerima keputusan ini.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang Dipertua, perpecahan iaitu lahirnya, wujudnya satu faksi di kalangan PLO itu bukan selepas Geneva bahkan pada waktu Israel melanggar Lubnan memasuki Shatilla dan Sabra. Yang kita ketahui mengapa sebab ada perpecahan itu kerana Yasser Arafat sebagai Commander-in-Chiefnya memerintahkan segala tentera PLO kenalah undur ke belakang Sabra dan Shatilla bukan mempertahankan kem pelarian (refugees) ini di hadapannya kerana Yasser Arafat takut kalau berjuang di hadapannya maka yang jadi mangsa adalah mereka yang jadi penghuni di dalam kes pelarian. Tetapi dua pegawai engkar, mereka hendak jadi hero. Sebab itulah terkorban Shatilla dan Sabra kerana ada pegawai yang hendak jadi hero dan mereka inilah yang melawan Yasser Arafat dengan bantuan dan sokongan lain-lain puak pula, bukan selepas Geneva.

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Apa yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Luar Negeri tadi menunjukkan sudah dapat suatu kata sepakat di persidangan antarabangsa yang dianjurkan oleh Bangsa-bangsa Bersatu sama ada di Geneva ataupun di Kuala Lumpur.

Soalan saya adakah pihak persidangan antarabangsa ini dan juga di persidangan di Kuala Lumpur telahpun membuat suatu keputusan bagaimanakah caranya untuk memberi bantuan kepada bangsa Palestin untuk mewujudkan sebuah negara Palestin dengan adanya pertelingkahan-pertelingkahan yang

berlaku sekarang ini bukan sahaja di antara rakyat-rakyat Palestin tetapi juga di antara negara-negara Arab sendiri untuk menyelesaikan masalah ini.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang Dipertua, pertelingkahan yang ada pada masa ini ialah ekoran daripada tiadanya penyelesaian Palestin. Kalau adanya penyelesaian Palestin perkara ini tidak timbul. Jadi, soalnya sekarang kita balik kepada pokok, kita mencari penyelesaian Palestin dahulu dan di dalam hal ini segala rancangan-rancangan yang dibuat oleh Geneva itu akan diletakkan dan sudahpun diletakkan di atas meja Bangsa-bangsa Bersatu dan di sanalah perkara ini dibincangkan supaya dapat mendesak Majlis Keselamatan terutama sekali kedua-dua negara yang besar, Amerika dan Soviet Union mengambil tindakan sewajarnya mengikut apa yang ditunjukkan di Geneva.

Tuan Yang Dipertua: Soalan penghabisan, Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri Luar Negeri daripada penerangannya tadi, saya hendak tahu apakah sikap atau pengakuan kuasa-kuasa besar terutama Amerika terhadap persetujuan Geneva dan juga persetujuan Kuala Lumpur terhadap masalah yang timbul di Palestin dan juga dalam persengketaan ini pihak manakah negara kita iaitu Malaysia memberi pengiktirafan dan juga memberi satu pengakuan terhadap masalah tersebut, masalah yang timbul itu.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Saya jawab soalan yang kedua dahulu iaitu pihak manakah yang kita memberi pengiktirafan di dalam faksi-faksi yang ada sekarang.

Kita tidak berganjak daripada pengertian kita bahawa pada masa ini tidak lain dan tidak bukan hanya Yasser Arafat yang halal dan sah yang diperbincangkan di Algiers untuk menentukan kedudukannya sebagai wakil, sebagai Ketua PLO. Kalau sekiranya ada dengan cara demokrasi pemilihan yang baru itulah pula yang kita iktiraf tetapi dengan cara tembak-menembak ini kita jauh pendapat kita dengan orang lain.

Jadi soal yang kedua, negara manakah yang sudah menyokong kuasa besar yang saya kata di sini satu negara sahaja negara besar yang tidak hadir di Geneva kerana mereka menganggap bahawa meeting ini hanya meeting propaganda iaitu United States—Amerika Syarikat tetapi sesudah perjumpaan di Geneva itu, mereka pada masa ini tidak pernah mencaci, tidak pernah menentang apa pendapat-pendapat di Geneva. Ini bermakna perkara ini adalah dipertimbangkan dengan sewajarnya dengan harapan insya Allah mereka tertarik dengan perkara ini dan boleh bersama-sama, kerana kalau tidak mereka bersama maka payahlah kita dapat menyelesaikan soal Palestin.

RISDA/FELCRA—MEMAJUKAN TANAH PERTANIAN

2. Tuan Mokhtaram bin Rabidin minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan apakah langkah-langkah yang diusahakan oleh RISDA atau FELCRA untuk membaiki keadaan dan memajukan tanah pertanian yang dipunyai oleh pekebun-pekebun kecil di kampung-kampung yang terbiar di sebabkan oleh kurangnya tenaga pengusaha kerana pemuda-pemuda kampung lebih gemar berhijrah ke pekan/bandar di mana perkembangan pembangunan dan perindustrian maju dengan pesatnya.

Setiausaha Parlimen Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Zainal Abidin bin Zin): Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga hari ini RISDA dan FELCRA telah berjaya mengatasi dua masalah iaitu memulihkan tanah-tanah terbiar dan mengadakan tenaga kerja di kawasan yang dipulihkan. Sebelum mana-mana tanah yang dikeluarkan hakmilik dapat dimajukan oleh RISDA atau FELCRA atau mana-mana agensi Kerajaan persetujuan daripada tuan punya tanah perlulah didapati terlebih dahulu. Mendapatkan persetujuan ini adalah rumit lebih-lebih lagi bagi tanah yang mana tuannya telah mati atau dipunyai lebih daripada seorang. Kementerian saya sedang mengkaji untuk mengatasi masalah ini. Kemungkinan kita akan meminda Kanun Tanah Negara supaya tanah-tanah yang terbiar jenis ini iaitu yang dipunyai oleh lebih ramai pemiliknya dapat dimajukan atau dipulihkan tanpa mendapat persetujuan daripada tuan-tuan tanah terlebih dahulu.

Dalam pada itu tindakan yang diambil oleh RISDA bagi mengatasi masalah tanah-tanah terbiar lebih-lebih lagi yang ditanam dengan getah tua ialah melalui program mini estet. Melalui program ini tuan-tuan punya tanah yang berhak kepada bantuan tanaman semula akan membenarkan tanah-tanah mereka dimajukan oleh pihak RISDA dan RISDA akan mengumpulkan tanah-tanah tersebut dan memajukannya sebagai sebuah estet dengan menggunakan pekerja-pekerja yang akan diberi gaji atau upah. Tuan-tuan punya tanah akan diberi keutamaan untuk bekerja di estet ini.

Tuan Yang Dipertua, setakat ini FELCRA sedang mengambil langkah-langkah pemulihan dengan mengenal pasti tanah-tanah terbiar yang terdapat di kampung-kampung tradisional terutamanya kawasan yang

bukan terdiri daripada getah dan padi. Sebagai langkah berikutnya pula FELCRA akan memulihkan kawasan-kawasan tersebut secara pertanian koperatif peladangan bersama jika kawasan ini luas dan boleh dimajukan sebagai sebuah estet dan secara lot demi lot bagi kawasan berselerak yang tidak sesuai dimajukan secara koperatif.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. FELCRA ini dari segi namanya ialah Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan. Penyatuan dan pemulihan ini bererti memulihkan tanah-tanah yang terbiar. Jadi, mengapa FELCRA pada masa-masa yang lepas juga membuka tanah-tanah baharu seperti kawasan hutan dibuka dan dimajukan. Adakah strategi operasi FELCRA pada tahun 1984 yang akan datang dan tahun-tahun akan datang ataupun tahun-tahun yang selepasnya akan hanya menumpukan perhatian kepada hanya memulihkan tanah-tanah yang terbiar sahaja di dalam negara ini bagi memenuhi rintihan rakyat tentang masalah tanah-tanah yang terbiar ini.

Dan yang kedua, mengenai satu kawasan tanah yang terbiar di mana ada pemiliknya yang telah membayar premium iaitu tuntutan 5A dan ada sebahagiannya yang belum menjelaskan tuntutan 5A itu. Jadi, berkaitan dengan perkara ini sama ada RISDA ataupun FELCRA boleh mencari satu jalan penyelesaian bagi memajukan tanah-tanah terbiar yang ada masalah seperti yang saya sebutkan itu tadi.

Tuan Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang Dipertua, saya jawab soalan yang kedua iaitu adakah jalan. Jawabnya ada jalan. Yang Berhormat boleh menghubungi agensi kita untuk menerangkan detail yang lebih lanjut.

Soalan yang pertama tadi, mengenai perbezaan pendekatan pemulihan dan pembukaan tanah yang dibuat oleh FELCRA pada masa dahulu dan pada masa sekarang.

Sebenarnya, untuk maklumat Yang Berhormat, FELCRA yang membuka tanah-tanah yang dimaksudkan tanah baharu sebenarnya bukanlah tanah baharu tetapi tanah terbiar yang sudah menjadi hutan maka apabila FELCRA membuka hutan ini ada rakyat kita mengatakan bahawa tanah itu adalah tanah baharu. Sebenarnya tanah ini yang sudah mempunyai tuan tanah dan mempunyai hakmilik yang telah diberi oleh Kerajaan. Dan pada hari ini kita telah menetapkan satu pendekatan pemulihan tanah ini iaitu dengan memberi keutamaan seperti memulih tanah-tanah di kawasan kampung-kampung tradisional dan inilah dasar kita yang kita teruskan khasnya mulai 1984.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah menerangkan bahawa salah satu kaedah yang dibuat setakat ini oleh pihak RISDA di dalam memajukan tanah-tanah pekebun-pekebun kecil di luar bandar ialah menerusi konsep mini estet. Jadi saya ingin bertanya adakah pihak RISDA sedar tentang beberapa penyelewengan yang telah berlaku didalam melaksanakan operasi mini estet ini dan apakah jaminan-jaminan, sekiranya sedar supaya perkara-perkara yang tidak diinginkan itu akan terus berlaku lagi di masa akan datang, kerana kalau ini berterusan akan menghilangkan kepercayaan rakyat terhadap hasrat Kerajaan yang suci murni untuk membantu rakyat tetapi sebaliknya seperti apa yang berlaku projek mini estet di Kampung Beng dalam kawasan saya.

Tuan Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang Dipertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat ini. Tetapi saya berharap penyelewengan-penyelewengan yang disebutkan itu hendaklah diberi keterangan yang lebih jelas. Saya sendiri telah melawat di mini estet Kampung Beng sebanyak dua kali dan saya dapati sebenarnya tidak ada penyelewengan. Yang berlaku ialah kerana kontraktor-kontraktor ataupun pemborong-pemborong yang berkenaan telah terlewat menjalankan tugas ataupun menjalankan kontrak yang telah diberikan kepadanya. Dalam soal ini, Tuan Yang Dipertua, kita sentiasa mengambil tindakan kepada pemborong-pemborong yang telah melanggar peraturan-peraturan pemborongan yang diberikan kepada mereka. Sekiranya perlu kitaamatkan kontrak mereka ini, kita akan tamatkan dan kita akan panggil pemborong yang baharu untuk menjalankan tugas ini. Insya Allah kita berjanji untuk sentiasa memberi perhatian kepada rancangan yang kita jalankan sekarang dan masa depan.

PEGAWAI KASTAM/IMIGRESEN SEMASA BERTUGAS

3. Tuan Mohd. Razlan bin Haji Abdul Hamid minta Perdana Menteri menyatakan baru-baru ini telah mengarahkan semua kakitangan Jabatan Kastam dan Imigresen hanya dibenarkan membawa \$10 sahaja semasa bertugas, berkuatkuasa pada 1hb Oktober, 1983. Adakah arahan ini akan memberi kesan menyeluruh di segi perbuatan rasuah, kecekapan dan amanah.

Timbalan Perdana Menteri (Dato' Musa Hitam): Tuan Yang Dipertua, langkah-langkah untuk memperluaskan peraturan tiap-tiap Pegawai Kastam dan Pegawai Imigresen dibenarkan membawa wang sebanyak \$10 sahaja sewaktu bertugas adalah salah satu berbagai strategi

Kerajaan sekarang untuk mewujudkan barisan kakitangan awam yang benar-benar bersih dalam segala aspek perkhidmatannya. Langkah-langkah ini sebenarnya dilaksanakan oleh Kerajaan berasaskan syor-syor dari wakil-wakil Kesatuan Perkhidmatan tersebut dalam perjumpaan mereka dengan saya sendiri baharu-baharu ini.

Pada saya syor-syor seperti ini membuktikan kesungguhan kakitangan kedua-dua jabatan tersebut untuk bertugas dengan bersih demi kepentingan masyarakat dan negara. Sayugia saya mengaku di sini bahawa langkah ini bukannya merupakan satu langkah yang full-proof. Kerajaan akan meneruskan pelaksanaan berbagai langkah lagi untuk meningkatkan kecekapan dan prestasi kakitangan di Jabatan Kastam dan Imigresen, antaranya termasuklah usaha memperbaiki keadaan dan persekitaran tempat bertugas supaya menjadi lebih selesa. Latihan juga akan dipertingkatkan di mana pegawai-pegawai akan dilatih dalam semua aspek-aspek pentadbiran dan tekanan kepada aspek rohaniah juga akan diberi. Kedua-dua aspek ini juga telah disyor dan dipersetujui oleh wakil-wakil kakitangan Jabatan Kastam dan Imigresen dalam pertemuan-pertemuan mereka dengan saya. Namun begitu, Tuan Yang Dipertua, Kerajaan sentiasa menerima sebarang idea baru dari mana-mana pihak sekalipun demi memperbaiki lagi perkhidmatan awam kita asalkan idea-idea ini membena, positif dan tidak bertujuan menurunkan semangat khidmat atau moral pegawai-pegawai perkhidmatan yang berkenaan.

Tuan Daud bin Dato Haji Taha: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Dalam perjumpaan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dengan Kesatuan Kastam itu, adakah Kesatuan itu membangkitkan

mengenai perkara yang telah berlaku perselisihan faham mereka dengan Badan Pencegah Rasuah dan apakah kehendak-kehendak yang dikehendaki oleh Kesatuan itu mengenai kedudukan perasaan yang tidak puas hati di antara mereka dengan pihak Badan Pencegah Rasuah.

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang Dipertua, perkara yang berkenaan telah dibangkitkan oleh wakil-wakil Kesatuan itu di dalam pertemuan mereka dengan saya dan mereka telah cuba minta jasa baik saya supaya menyampaikan kepada Badan Pencegah Rasuah janganlah mengambil tindakan-tindakan seolah-olah perkhidmatan kastam ini merupakan perkhidmatan yang begitu buruk, tetapi saya telah menyatakan kepada mereka bahawa Badan Pencegah Rasuah cuma menjalankan tugasnya dan tidak tertakluk kepada arahan-arahan sama ada Perdana Menteri ataupun Timbalan Perdana Menteri di dalam usaha-usaha mereka menjalankan tugas. Walau bagaimanapun, hasrat mereka ini telah juga saya sampaikan kepada BPR di dalam pertemuan-pertemuan saya dengan pegawai-pegawai mereka. Di samping itu pihak wakil-wakil kesatuan, wakil-wakil pekerja ataupun pegawai-pegawai kastam juga telah membuat pengakuan kepada saya bahawa mereka sendiri akan berusaha dalam jabatan mereka sendiri mewujudkan satu sistem "check and balance" atau satu sistem memastikan supaya sistem perkhidmatan mereka itu akan memberi sesuatu kesempatan bagi pegawai-pegawai sendiri mengesan apa juga kejadian-kejadian yang buruk yang akan menjejaskan imej perkhidmatan itu sendiri. Jadi dengan lain perkataan, sekali saya mengatakan bahawa mereka ini nampaknya positif, mereka sedaya-upaya akan mencuba dari dalam mereka sendiri untuk memperbaiki perkhidmatan mereka.

Tuan Gooi Hock Seng: Soalan tambahan. Adakah benar bahawa arahan untuk membawa \$10 semasa bertugas di kalangan kakitangan kastam tersebut bukanlah arahan baru tetapi telah lama dilaksanakan di peringkat kakitangan kastam beruniform. Oleh yang demikian, arahan tersebut adalah diperluaskan untuk pegawai kanan kastam. Jika begitu, siapakah yang bertanggungjawab untuk mengawasi perjalanan arahan tersebut di kalangan pegawai-pegawai kanan kastam. Adakah perbuatan rasuah di kalangan kakitangan kastam ini disebabkan gaji yang terlalu rendah dan adakah Kerajaan bercadang untuk menaikkan gaji mereka.

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang Dipertua, memang benar pada asalnya pegawai-pegawai kastam yang beruniform yang bertugas di tempat-tempat masuk ke Malaysia ini telah dikenakan syarat mereka hanya boleh membawa ataupun ada di dalam poket mereka maksima \$10. Tetapi di dalam perjumpaan mereka dengan saya mereka telah meminta satu peraturan ini diperluaskan bukan sahaja kepada semua pegawai kastam beruniform tetapi kepada kerani, kepada budak pejabat pun, kepada Ketua Pejabat pun dan bukan itu sahaja pula di dalam perjumpaan saya dengan Pegawai-pegawai Imigresen mereka juga telah bersetuju supaya peraturan ini dapat diperluaskan kepada Imigresen juga. Inilah yang saya maksudkan apabila saya menggunakan istilah memperluaskan peraturan ini. Saya tidaklah dapat memberi jawab mengatakan dengan pastinya bahawa satu daripada sebab terjadinya rasuah di kalangan pegawai-pegawai kastam kerana gaji rendah. Kalau saya menerima hujah ini maka tentulah banyak pegawai-pegawai yang akan membuat sesuatu yang buruk dan terus mengatakan gajinya rendah. Saya fikir Menteri-menteri pun boleh bercakap begitu

kadang-kadang dia kata gajinya rendah, tetapi ada justifikasi ataupun dia boleh menggunakan hujah ini. Walau macam manapun, soal perkhidmatan, suasana selesa atau tidak telah dibangkitkan oleh mereka, soal kebajikan telah mereka bangkitkan dan saya telah berjanji untuk meneliti dari segi penempatan mereka dan bagaimana kita dapat memperbaiki berasaskan kepada pandangan-pandangan yang diberi oleh mereka kepada saya.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri untuk menentukan bahawa peraturan membawa wang \$10 ini berkesan. Apakah ada peraturan supaya tiap-tiap pegawai atau kakitangan kastam itu menjalankan pemeriksaan selepas sahaja mereka itu habis bertugas dan setakat ini adakah berlaku sebarang penyelewengan ataupun perkara rasuah ini berlaku setelah ketegasan peraturan ini kepada kakitangan tersebut.

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang Dipertua, sama ada kejadian rasuah masih berlaku atau tidak, saya tidak dapat jawab, sebab kalau berlaku dapat dikesan akan ditangkap. Tetapi kepada soal yang pertama, sama ada selepas mereka bertugas ada pemeriksaan, memang mengikut prosedur dia apabila bertugas itu mesti ada duit \$10 lebih kurang, selepas itu pegawai-pegawai yang tertentu yang tertinggi akan ditugaskan untuk menentukan selepas itu. Ada hak memeriksa seseorang itu dan mereka terpaksa melaporkan wang mereka itu atau apabila mereka mengambil wang mereka itu balik daripada pegawai yang ditugaskan hari itu wang yang lebih daripada \$10 mereka boleh ditanya ataupun diperiksa. Walau bagaimanapun, saya suka menyatakan prosedur ini ialah merupakan prosedur yang begitu

detail dan saya telah menyerahkan pejabat-pejabat yang berkenaan untuk melaksanakan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang Dipertua, adakah dakwaan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bahawa Badan Pencegah Rasuah tidak adil dalam tindakan terhadap pegawai-pegawai kastam benar. Adakah dakwaan itu mengakibatkan satu hands up policy. Adakah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sedar bahawa sungguhpun ada beberapa serbuan atau tindakan-tindakan diambil oleh BPR terhadap pegawai-pegawai kastam tetapi akhirnya keadaan serupa, tidak berkesan sekali dalam masalah rasuah yang ada bermaharajalela. Bolehkah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kata kenapa setiap kali BPR mengambil tindakan terhadap pegawai-pegawai kastam di Johor Bahru untuk menyiasat atau apa-apa orang ramai mahu jadi mangsa dengan sengaja perlahan-lahan periksa, berjam-jam queue yang begitu panjang yang berjam-jam melalui kastam check point. Bolehkah satu perintah dikeluarkan bahawa perkara ini jangan berlaku lagi di mana-mana rakyat jadi mangsa.

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang Dipertua, saya tidak menggunakan huruf tidak adil tadi sebab apa yang saya kata ialah bahawa pegawai-pegawai kastam telah merayu kepada saya menggunakan jasa baik saya bercakap dengan BPR janganlah menekan mereka, serbu mereka hinggakan imej mereka itu jatuh, marwah mereka itu jatuh seolah-olah perkhidmatan inilah yang habis buruk sekali. Saya bersetuju dengan rayuan mereka itu oleh sebab sungguhpun saya tidak dapat melaksanakan dari menjadi wakil BPR tetapi saya bersetuju mereka sendiri menerima hakikat. Mereka sebenarnya di dalam

perjumpaan dengan saya mengatakan, "betul Dato, ada yang terjadi". Mereka merupakan orang yang ikhlas. Susah manusia ini, selalu dalam perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan ataupun siapa-siapa juga manusia, Ahli Pembangkang pun kalau kita bercakap mengatakan salah, dia selalu kata tidak salah dahulu, lepas itu dia cari cara-cara memberi hujah. Tetapi mereka mengatakan betul ada. Memang ada kita tahu juga kadang kala ini terjadi di kalangan mereka.

Jadi mereka dengan positif mencari jalan untuk mengatasinya. Dari segi rakyat jelata menjadi mangsa apabila BPR mengambil sesuatu tindakan, ini merupakan satu spekulasi satu tohmah boleh dikatakan kepada pegawai-pegawai Kastam yang berkenaan oleh sebab mereka telah menghuraikan kepada saya prosedur yang sebenarnya, sekiranya ada pegawai BPR sedang memeriksa seorang pegawai ataupun sekumpulan pegawai, maka ini akan mengakibatkan perjalanan yang barangkali kalau perjalanan pentadbiran keluar masuk dengan licin, tetapi berapa pegawai ditemuramah (interview) maka pegawai-pegawai akan tertarik. Itu satu.

Yang keduanya, pada pendapat saya, tidak salah kalau mereka menjalankan tugas mereka benar-benar memeriksa tetapi walau macam manapun kemungkinan juga ada, kata mereka, barangkali ada orang-orang yang sakit hati mengatakan, minta maaf, Tuan Yang Dipertua, dengan izin: "Okay, we will do it very-very thoroughly." Thoroughly maknanya dengan begitu meneliti memeriksa tiap-tiap satu, barangkali ada tetapi mereka telah berjanji kepada saya bahawa mereka akan cuba mengatasi masalah ini dan mereka berjanji bahawa masyarakat tidak akan terjejas apabila sesuatu berlaku di

dalam pentadbiran mereka seperti yang dialami pada masa-masa yang lepas.

PROJEK KESBAN

4. Tuan Othman bin Abdul minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memotong peruntukan bagi projek-projek KESBAN; jika ya, apakah projek-projek yang akan dipotong.

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang Dipertua, projek-projek KESBAN adalah projek-projek keselamatan dan pembangunan yang dirancang dan dilaksanakan oleh Kerajaan bagi manfaat rakyat di kawasan perbatasan Malaysia/Thailand. Projek-projek ini dilaksanakan oleh Kerajaan berasaskan beberapa faktor sosio-ekonomi. Ia bertujuan meningkatkan taraf hidup dan kesejahteraan rakyat di kawasan sempadan.

Kerajaan yakin bahawa usaha ini secara tidak langsung dapat menghapuskan pengaruh komunis yang mungkin wujud di kalangan rakyat jelata yang selama ini agak mundur dan terbiar. Setakat ini Kerajaan telah berjaya melaksanakan 70% daripada projek-projek tersebut yang kesemuanya berjumlah 538.

Di antara projek-projek yang telah siap ialah pembinaan beberapa projek keselamatan, projek jalan luar bandar serta projek kemudahan awam, termasuk api, air, sekolah dan klinik.

Projek-projek yang sedang dalam proses pelaksanaan pula termasuklah pembangunan tanah, projek haiwan dan perikanan, projek telekom dan projek-projek bercorak keagamaan. Lain-lain projek seperti pembinaan rumah-rumah kedai, perumahan dan perparitan dijangka dilaksanakan di masa yang akan datang.

Pada keseluruhannya segala projek-projek KESBAN sama ada yang telah siap, yang sedang di dalam peringkat

pelaksanaan atau yang masih dalam perancangan dianggarkan memakan belanja kira-kira \$345 juta.

Setakat ini saya berpuashati dengan pencapaian pelaksanaan projek-projek tersebut. Dalam pada itu biarlah saya tegaskan di Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan terpaksa menangguhkan pelaksanaan beberapa projek yang didapati kurang mendesak keperluannya. Ini bermakna jadual pelaksanaan projek-projek yang ditangguhkan ini akan dikaji semula. Keputusan ini adalah berasaskan kepada prestasi ekonomi dan juga keadaan kewangan negara hari ini. Insyah Allah, kita akan meneruskan pelaksanaan projek-projek ini apabila suasana dan keadaan kewangan kita mengizinkan.

Tuan Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan bersetuju kiranya projek ini diberikan peluang kepada bekas-bekas perajurit untuk menganggotainya dengan memberikan mereka senjatapi-senjatapi boleh dikatakan sebagai satu daripada cara untuk mempertahankan negara kerana mereka ini berada di perbatasan sempadan yang mana sempadan ini mempunyai anggota-anggota komunis. Maka dengan adanya mereka di projek-projek ini mereka boleh menjadi satu pertahanan yang awal di sempadan negara kita. Dan setakat ini adakah langkah-langkah Kerajaan yang telah diambil untuk mengambil perajurit-perajurit di dalam projek-projek ini.

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang Dipertua, Kerajaan tidak bercadang hendak memberi apa-apa senjatapi kepada mereka yang masuk di kawasan-kawasan pembukaan tanah oleh sebab rancangan-rancangan keselamatan yang dianggap memadai apabila yang sedang dan sudah dilaksanakan. Walau macam manapun dari segi kepentingan perajurit-perajurit, bekas-bekas perajurit

memang dipilih sebagaimana juga di dalam rancangan-rancangan ekonomi lain tetapi khususnya di dalam rancangan pembangunan di kawasan-kawasan ini, bekas-bekas perajurit memang diberi keutamaan sepertimana biasa.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengapakah projek jalan raya Jeli ke Rantau Panjang dalam kawasan KESBAN itu tidak dibaiki, berdebu sepanjang tahun sudah beberapa tahun kerana akibat daripada kurang mendesak keperluannya maka terbiar begitu sahaja oleh pihak Kerajaan?

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang Dipertua, saya harap Ahli Yang Berhormat itu memberitahu saya kawasan dan jalan yang mana berdebu yang tertentu oleh sebab saya baru dengar tadi cerita ini, saya akan semak untuk hendak mengetahui keadaan yang sebenar.

TAPAK PENJAJA DI WILAYAH PERSEKUTUAN

5. **Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan apakah langkah yang telah diambil untuk menambah bilangan tapak penjaja dalam Wilayah Persekutuan dan sejauh mana pemaju-pemaju perumahan dalam Wilayah Persekutuan telah menyahut seruan Kerajaan untuk memperuntukkan tapak-tapak yang sesuai dalam sekim perumahan mereka bagi tapak-tapak penjaja, jika ada, berapa banyak pemaju telah berbuat demikian.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan (Tuan Ahmad Shah bin Datuk Hussein Tambakau): Tuan Yang Dipertua, Kementerian saya dengan kerjasama UDA dan pihak swasta telah pun mengambil langkah-langkah untuk melaksanakan

sebanyak 2,503 unit tapak penjaja dan gerai-gerai berbagai jenis. Sehingga ini sebanyak 35 buah projek swasta telah dikenakan syarat perancangan supaya 2% daripada luas tapak yang dibangunkan adalah dikhaskan untuk pusat penjaja.

Kementerian saya sentiasa dari semasa ke semasa mengambil langkah-langkah untuk menambahkan lagi tapak-tapak penjaja di Wilayah Persekutuan dengan cara:

- (1) Mengadakan tapak-tapak penjaja di tempat-tempat yang sesuai di kawasan pusat bandar seperti Kompleks Munshi Abdullah, di Benteng Selera, di Jalan Melayu, di kawasan letak kereta St. Mary's Church;
- (2) Mengadakan tapak-tapak penjaja di kompleks-kompleks bangunan pejabat, perkedaiian berbilang tingkat yang dikenakan sebagai syarat kelulusan peringkat pembangunan. Luas lantai yang perlu disediakan ialah 2% daripada jumlah luas lantai dari pembangunan yang dicadangkan.
- (3) Mengadakan tapak-tapak penjaja di skim-skim perumahan yang terbesar untuk menampung keperluan penduduk-penduduk tempatan.

Dalam perancangan Pelan Susun Atur bagi skim-skim perumahan, peruntukan tapak-tapak penjaja adalah disediakan selaras dengan konsep perancangan yang diamalkan oleh se Kementerian saya. Sehingga ini sebanyak 20 tapak penjaja telah diperuntukkan di taman-taman perumahan sekitar kawasan Wilayah Persekutuan. Tapak-tapak tersebut dirancangan berhampiran dengan pusat-pusat perkedaiian supaya mudah dikunjungi oleh orang ramai dan para penjaja sendiri. Bagaimanapun kebanyakan daripada tapak-tapak

tersebut belum dimajukan lagi kerana kemajuannya berasas kepada peringkat pelaksanaan projek-projek perumahan yang berkenaan.

Tuan Mohammad Idris bin Mohammad Basri: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri yang berkenaan berapa banyakkah tapak-tapak penjaja yang telahpun disediakan di bangunan-bangunan tinggi dan besar sejak 1982 di Wilayah Persekutuan ini?

Tuan Ahmad Shah bin Datuk Hussein Tambakau: Tuan Yang Dipertua, sejak bulan Januari, 1982 jumlah bangunan yang dikeluarkan dengan perintah pembangunan untuk mengenakan tapak-tapak untuk penjaja ialah sebanyak 14. Dianggarkan sejumlah 148,526 kaki persegi yang hendak disediakan untuk tapak-tapak penjaja di bangunan kompleks-kompleks di Wilayah Persekutuan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan apakah pihak Kementerian Wilayah mengumpulkan semua penjaja-penjaja ini dan pernah mengadakan latihan-latihan mengadakan latihan-latihan pengu-rusan hal-hal wang dan juga hal-hal ini tidak terus tinggal sebagai penjaja tetapi akan berpindah kepada perniagaan yang lebih besar? Dan adakah pihak Kementerian ini atau badan-badan lain yang memberi bantuan kewangan kepada Persatuan Penjaja bagi menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan penjaja ini?

Tuan Ahmad Shah bin Datuk Hussein Tambakau: Tuan Yang Dipertua, Kementerian saya melalui Dewan Bandaraya memang sentiasa mengumpul maklumat dan data-data

bagi penjaja-penjaja dan pada masa ini sedang dalam mengumpulkan data lagi. Jika sekiranya didapati bahawa ada keperluan untuk mengadakan kursus kepada penjaja-penjaja atau memberi taklimat kepada mereka maka pihak Dewan Bandaraya memang akan mengadakan satu kursus kepada penjaja-penjaja.

Mengenai soalan yang kedua iaitu mengenai bantuan sama ada Kementerian saya atau agensi-agensi lain memberi bantuan kepada penjaja-penjaja, memang ada. Selain daripada Dewan Bandaraya, pihak UDA sendiri pun ada memberi bantuan. Begitu juga ICU di Jabatan Perdana Menteri yang memberi bantuan berupakan kewangan ataupun dengan memberi terus kereta-kereta tolak khususnya kepada penjaja-penjaja yang berkehendakkan kereta-kereta tolak.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang Dipertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa untuk skim-skim perumahan yang baru ada rancangan untuk membuka kawasan untuk penjaja. Di sini suka saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa berkaitan dengan skim-skim perumahan yang telah lama wujud yang mana tidak ada memperuntukkan kawasan yang tertentu untuk para penjaja, bolehkah Kementerian yang berkenaan mengadakan satu dasar di mana pihak Dewan Bandaraya akan terus mengambil tindakan membuka kawasan-kawasan penjaja dengan cara untuk menutup lorong-lorong yang begitu sesuai untuk tujuan ini oleh kerana pada masa ini pihak Dewan Bandaraya kadang-kadang ada mengambil tindakan yang keras terhadap penjaja-penjaja haram yang sedang bergerak di skim-skim perumahan ini?

Tuan Ahmad Shah bin Datuk Hussein Tambakau: Tuan Yang Dipertua, seperti saya katakan tadi, Kementerian saya sudahpun menempatkan kawasan-kawasan untuk penjaja di bangunan-bangunan perumahan. Sehingga ini sebanyak 20 tapak penjaja telahpun diperuntukkan di taman-taman perumahan di sekitar kawasan Wilayah Persekutuan. Maka itulah dasar Kementerian saya untuk menempatkan penjaja-penjaja di kawasan-kawasan perumahan di Wilayah Persekutuan.

Mengenai soalan kedua sama ada Kerajaan ada rancangan menutup kawasan yang sudah sesak dengan penjaja, saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat di kawasan perumahan yang pada awalnya tidak ada peruntukan seperti yang saya katakan tadi iaitu peruntukan tapak untuk penjaja-penjaja, maka Kementerian saya melalui Dewan Bandaraya dengan sedaya upaya cuba menampung keperluan ini kepada penduduk-penduduk di kawasan-kawasan perumahan ini. Setakat ini tidak ada tambahan tapak-tapak penjaja-penjaja di kawasan-kawasan tersebut. Saya berharap dengan rancangan yang kita jalankan sekarang ini kemudahan-kemudahan penjaja-penjaja dapat diberi dengan banyak lagi di masa yang akan datang.

BANTUAN KEWANGAN DARIPADA JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

6. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan apakah usaha-usaha Kementerian untuk membantu mereka yang mendapat bantuan kewangan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat supaya berdikari memandangkan ramai daripada penerima-penerima bantuan masih boleh mencari kerja dan sihat belaka dan jika bantuan ini

berpanjangan ini akan melemahkan semangat mereka untuk berusaha mencari nafkah.

Menteri Kebajikan Masyarakat (Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani): Tuan Yang Dipertua, Kementerian saya mengadakan berbagai-bagai jenis bantuan untuk membantu orang-orang yang kurang bernasib baik dan kesemuanya berjumlah \$12,925,300. Bantuan kewangan diberi kepada mereka yang tidak dapat mencari nafkah disebabkan satu-satu masalah sosial yang mereka hadapi dan tidak dapat mengatasinya.

Sebahagian besar daripada mereka yang menerima bantuan ini adalah terdiri daripada orang-orang tua, balu dengan tanggungan, orang sakit, kanak-kanak dan orang-orang cacat. Bantuan itu diberi untuk sementara bukan sahaja untuk membantu mereka mengatasi masalah yang mereka hadapi dengan cepat tetapi juga bertujuan untuk menggalakkan mereka berdikari. Sebab itu penerima-penerima bantuan yang masih sihat dan boleh bekerja adalah diberi bantuan pelancaran, dengan izin, launching grant bagi membolehkan mereka dapat menjalankan sesuatu projek atau perusahaan kecil seperti menernak ayam itik, menjual makanan, membuka kedai jahitan, kedai runcit dan sebagainya.

Bantuan Pelancaran yang boleh diberi kepada mereka ialah sebanyak \$1,000. Bantuan ini adalah merupakan modal bagi mereka menjalankan projek yang sesuai dan Pegawai Kebajikan Masyarakat tempatan sentiasa mengawasi perkembangannya.

Selain daripada skim bantuan pelancaran ini, anak-anak penerima bantuan yang tidak lagi bersekolah dan menganggur akan dibantu mempelajari sesuatu kemahiran di

bawah skim bantuan latihan belia. Mereka ditempatkan di kedai, di kilang atau firma untuk mempelajari kemahiran vokasional. Semasa mereka berlatih mereka diberi elaun harian. Apabila mereka ini mendapat pekerjaan kelak, mereka akan dapat pula membantu keluarga masing-masing, maka dengan itu bantuan kewangan bagi keluarga berkenaan tidak lagi diperlukan.

Kementerian saya juga memberi elaun bulanan kepada pekerja-pekerja cacat yang berkeleyakan khususnya untuk menggalakkan mereka terus bekerja. Walaupun tujuan utama bantuan kewangan yang diberi itu khusus untuk membantu penerima-penerima berkenaan berdikari, namun ada juga kes-kes yang memerlukan bantuan berterusan oleh kerana sesuatu sebab yang tertentu yang menyebabkan mereka sentiasa dalam keadaan dhaif dan uzur.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Kepada Menteri Kebajikan Masyarakat saya hendak bertanya sebagaimana katanya bahawa yang mendapat bantuan ini ialah balu, pesakit dan kanak-kanak cacat dan apabila mereka sihat dan boleh bekerja terus diberi bantuan. Adakah penagih-penagih dadah yang telah pulih mereka juga boleh mendapat bantuan kewangan untuk mereka berniaga?

Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani: Tuan Yang Dipertua, sekiranya penagih itu boleh masuk dalam kategori yang saya sebutkan, mereka bolehlah dapat.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Kebajikan Masyarakat adakalanya di kampung-kampung orang-orang yang susah yang benar-benar patut mendapat bantuan kebajikan

masyarakat, tetapi oleh kerana tidak begitu bijak penyiasaan Pegawai-pegawai Kebajikan Masyarakat membawakan yang patut dapat tetapi dia tak dapat, tetapi yang tak patut dapat tetapi dia dapat. Jadi bagaimana dalam tentang penyiasaan mengenai perkara ini?

Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani: Tuan Yang Dipertua, sukaah saya menerangkan sekali lagi dalam Dewan ini bahawa pemberian bantuan ini ialah dengan kerjasama daripada pihak-pihak yang berkaitan dalam masyarakat tersebut. Pegawai Kebajikan Masyarakat memerlukan juga penerangan ataupun penyiasaannya dibuat daripada Tok Penghulu, Ketua Kampung atau Wakil Rakyat. Kalau kadangkala itu Wakil Rakyat kuat rekomen orang itu kurang layak pun dia kata layak, jadi pegawai saya kadang-kadang dia terpaksa juga beri. Inilah terpaksa saya bercakap terang-terang di sini supaya semua pihak yang berkaitan yang memberikan sokongan ini hendaklah berlaku jujur supaya tidaklah berlaku orang yang patut dapat tak dapat, orang yang tak patut dapat, dapat (*Ketawa*).

Tuan Yang Dipertua: Mari buat pertanyaan dalam Dewan pula (*Ketawa*).

BURUH KONTRAK SEKTOR PERTANIAN DAN PERINDUSTRIAN

7. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Buruh menyatakan sama ada Kerajaan bercadang mengharamkan "buruh kontrak" dalam sektor pertanian dan perindustrian kerana pekerja-pekerja kontrak di sektor-sektor tersebut tertakluk kepada eksploitasi dan layanan buruk yang teruk sekali.

Timbalan Menteri Buruh (Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang Dipertua, saya telahpun

menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka pada 19hb Oktober, 1983 yang lalu yang sama maksudnya. Saya tidak ada apa-apa tambahan lagi.

SENAPANG PATAH— PEMBELIAN DIBEKUKAN

8. Tuan Justine Jinggut minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah beliau sedar bahawa pembelian Senapang Patah (Shot Gun) telah lama dibekukan di Sarawak; adakah beliau bercadang hendak memberhentikan pembekuan itu khasnya kepada kaum petani di kawasan pendalaman.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan memang sedar bahawa pembelian senapang patah di Sarawak telah lama dibekukan. Pengeluaran lesen memiliki senapang patah di negeri tersebut adalah terletak di bawah kuasa Kerajaan Negeri.

Semenjak tahun 1971 Kerajaan Negeri Sarawak telah mengetatkan pengeluaran lesen senapang patah. Dasar tersebut masih berkuatkuasa sehingga sekarang bagi seluruh Negeri Sarawak. Namun demikian, Kerajaan Negeri dengan menggunakan budibicaranya dan atas sebab-sebab keselamatan boleh mengeluarkan lesen-lesen baru. Kerajaan buat masa ini tidak bercadang melonggarkan dasar tersebut demi kepentingan keselamatan rakyat Sarawak keseluruhannya.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Newman Gaban.

(Soalan No. 9 Y.B. Tuan Newman Gaban tidak hadir)

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Sim Kwang Yang.

(Soalan No. 10 Y.B. Tuan Sim Kwang Yang tidak hadir)

PERUSAHAAN LADA HITAM

11. Dr George Chan Hong Nam minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) sebab-sebabnya keluaran lada hitam dalam negara kita beberapa tahun baru-baru ini tidak bertambah;
- (b) adakah Kerajaan ingin menggalakkan penanam lada hitam menambahkan keluaran mereka, jika ya, apakah insentif-insentif yang akan diberi; dan
- (c) memandangkan Negeri Sarawak ialah pengeluar lada hitam terbesar dalam Malaysia, adakah Kerajaan kita ingin:
 - (i) menambah ahli-ahli dari Negeri Sarawak dalam Lembaga Pemasaran Lada Hitam serta melantik salah seorangnya menjadi Pengerusi,
 - (ii) menubuh sebuah Instituit Khas di situ untuk menjalankan kajian dan penyelidikan bagi lada hitam.

Timbalan Menteri Pertanian (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang Dipertua, jawapan:

- (a) Kenaikan kos pengeluaran dan kemerosotan harga lada di pasaran telah menyebabkan perusahaan lada hitam tidak lagi merupakan satu perusahaan yang menguntungkan kepada penanam-penanam. Ini menyebabkan setengah-setengah penanam menarik diri dari perusahaan tersebut. Akibatnya, pengeluaran lada hitam telah berkurangan.
- (b) Kerajaan memang menggalakkan penanam lada hitam menambahkan pengeluaran mereka di kawasan-kawasan yang sedia ada

sekarang untuk menambahkan pendapatan mereka. Insentif-insentif yang sedang diberikan untuk penanam-penanam lada hitam termasuk:

- (i) Menyediakan subsidi sebanyak \$745 setahun bagi penanam yang mempunyai keluasan tanaman lada sebanyak 1¼ ekar (200 rumpun lada) selama tempoh tiga tahun yang pertama.
 - (ii) Menyediakan perkhidmatan pengembangan dalam bentuk khidmat nasihat.
 - (iii) Memberi perkhidmatan-perkhidmatan pemasaran melalui Jemaah Pemasaran Lada Hitam.
- (c) (i) Pada masa sekarang tiga daripada sembilan orang ahli Lembaga Pemasaran Lada Hitam adalah terdiri dari wakil Negeri Sarawak. Bilangan keahlian yang mewakili Negeri Sarawak sekarang ke dalam Lembaga Pemasaran Lada Hitam adalah dianggap memadai buat masa ini. Walau bagaimanapun, kedudukan ini bolehlah dikaji dari masa ke semasa mengikut keperluan. Mengenai Pengerusi Lembaga pula, bagi memudahkan dari segi pemasaran lada hitam, Kementerian telah mengambil keputusan melantik Pengerusi FAMA sebagai Pengerusi Lembaga berkenaan.
- Soal melantik wakil Negeri Sarawak menjadi Pengerusi Lembaga tersebut bolehlah diberi pertimbangan di masa depan.

- (ii) Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan institut khas di Sarawak untuk menjalankan kajian dan penyelidikan bagi lada hitam kerana Jabatan Pertanian Sarawak adalah mampu untuk menjalankan tugas-tugas penyelidikan pada masa sekarang. Selain daripada itu, Pegawai Penyelidikan dari Jabatan Pertanian Sarawak adalah bekerjasama rapat dengan pihak MARDI di Semenanjung Malaysia untuk memperbaiki teknik penyelidikan lada hitam.

Tuan Yang Dipertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 9, 10 dan 12 hingga 17 adalah diberi di bawah ini).

KEMENTERIAN PERTANIAN SABAH—PERANAN

9. Tuan Newman Gaban minta Menteri Pertanian menyatakan peranan Kementeriannya dalam bidang pertanian di Negeri Sabah, sama ada peranan ini sama dengan peranan yang dimainkan oleh Kementerian ini di negeri-negeri di Semenanjung.

Dr Goh Cheng Teik: Peranan Kementerian Pertanian adalah sama di dalam bidang pertanian di semua negeri di Malaysia tidak kira sama ada ianya di Sabah ataupun di Semenanjung. Apa yang ditekankan oleh Kementerian ini ialah supaya pembangunan pertanian di tiap-tiap negeri itu tidak terkeluar daripada dasar-dasar Kerajaan Pusat. Ini dapat ditentukan oleh pihak Kementerian dengan membuat pengawasan dan penilaian ke atas semua projek-projek pertanian khususnya projek-projek yang

dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan di Negeri Sabah dan juga di negeri-negeri lain.

Pengawasan itu dibuat tiap-tiap tahun iaitu semasa diadakan penyemakan belanjawan supaya projek-projek yang hendak dijalankan itu memenuhi atau mematuhi dasar Negara pada keseluruhannya.

AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI—MEMANSUHKAN

10. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan berhajat mendengar “voice of reason” dari dalam dan luar negeri dengan memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri Tahun 1960 dan Peraturan-peraturan Keselamatan Kes-kes Perlu (Pindaan) tahun 1975 sejajar dengan dasar “pentadbiran terbuka dan liberal”, Kerajaan yang diisytiharkan tidak lama dulu.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Soalan yang hampir sama telah saya jawab di Dewan yang mulia ini pada 1-11-1983 semasa menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Jelutong.

Saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

BEKALAN ELEKTRIK LUAR BANDAR—KELEWATAN

12. Tuan Abdul Rahman bin Suliman minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (a) berapakah jumlah projek-projek “Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB)” yang telah lewat dari jadual bagi dilaksanakan di seluruh negara mengikut susunan projek-projek tahunan khususnya bagi tahun 1982 dan 1983;

- (b) berapakah jumlah projek "Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB)" yang lewat dilaksanakan mengikut rancangan Malaysia, khasnya projek Rancangan Malaysia Ketiga yang terpaksa dibawa ke Rancangan Malaysia Keempat;
- (c) berapakah jumlah projek BELB di Daerah Kerian Perak khasnya yang terlewat dari jadual-jadual perlaksanaannya; dan
- (d) jika terdapat kelewatan, apakah sebab-sebabnya dan apakah langkah-langkah berkesan yang diambil oleh Kementerian bagi mengatasi masalah kelewatan ini.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Sanusi bin Junid):

(a) Jumlah projek-projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) yang terlewat dilaksanakan bagi 1982 ialah sebanyak 186 dan bagi tahun 1983 ialah sebanyak 344 buah projek.

(b) Jumlah projek BELB mengikut Rancangan Malaysia Ketiga yang terlewat dilaksanakan dan terpaksa dibawa ke Rancangan Malaysia Keempat ialah sebanyak 221 buah.

(c) Jumlah Projek BELB Daerah Krian yang terlewat dari jadual-jadual pelaksanaan ialah sebanyak 23 buah.

(d) Masalah-masalah yang dialami yang mengakibatkan terbantutnya pelaksanaan projek berkenaan ialah seperti berikut:

- (1) Memperolehi izin lalu untuk pembinaan talian-talian pembahagian.
- (2) Masa pembinaan dan pemasangan talian dan sebagainya adalah terhad kepada masa antara memotong padi dan membajak sawah-sawah padi. Adalah

diperhatikan masalah ini cuma dialami di kawasan sawah padi di Daerah Krian sahaja.

- (3) Keadaan tanah yang lembik dan jalan masuk yang menimbulkan masalah membawa bahan-bahan binaan seperti tiang dan sebagainya.
- (4) Oleh kerana (3) kontraktor-kontraktor kurang minat untuk melaksanakan kerja-kerja pembinaan di daerah-daerah sawah padi.
- (5) Kekurangan bahan-bahan binaan.

Langkah-langkah yang diambil untuk melaksanakan projek-projek tersebut ialah:

- (1) Memindahkan projek-projek BELB dari Pejabat LLN Butterworth ke Pejabat LLN Taiping. Oleh yang demikian, pentadbiran dan kawalan projek-projek BELB dapat dilakukan dengan lebih sempurna dan berkesan.
- (2) Berkaitan dengan bahan-bahan binaan, Pejabat LLN di Ibu Pejabat LLN telah mengambil tindakan tertentu untuk mengatasi kekurangan bahan-bahan dengan memesan barang-barang dari luar negeri.

SIARAN RADIO DI TERENGGANU

13. Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman minta Menteri Penerangan menyatakan adakah benar terdapat beberapa siaran-siaran radio tempatan melalui gelombang sederhana seperti di Kuala Terengganu dan Dungun dan lain-lain tidak dapat diterima oleh ramai penduduk-penduduk pendalaman tempatan. Jika benar apakah sebab-sebabnya, dan melibatkan beberapa stesen pemancar. Apakah langkah-langkah untuk mengatasinya.

Menteri Penerangan (Datuk Seri Mohd Adib bin Haji Mohd Adam): Pada masa sekarang terdapat dua stesen pemancar gelombang sederhana di Terengganu iaitu satu di Kuala Terengganu dengan kuasa pemancar 10 kw. yang menyiarkan Rangkaian Nasional dan Inggeris dan satu lagi di Dungun dengan kuasa pemancar 5kw. yang menyiarkan Rangkaian Nasional sahaja. Walaupun stesen-stesen ini boleh meliputi bandar-bandar tersebut dan kawasan-kawasan sekelilingnya, ada juga terdapat kawasan-kawasan di Terengganu yang tidak diliputi oleh gelombang sederhana ini, tetapi boleh menerima Rangkaian Nasional melalui gelombang pendek yang dipancar dari Kajang. Pemancaran gelombang pendek adalah tidak begitu jelas dan tertakluk kepada gangguan udara (atmospheric interference). Walau bagaimanapun, satu projek sedang dirangkaikan untuk meliputi seluruh negara dengan penyiaran FM yang mutunya lebih baik daripada gelombang pendek atau gelombang sederhana.

INTEGRASI NASIONAL

14. Tuan Ting Ling Kiew minta Menteri Penerangan menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian Penerangan untuk mengeratkan proses integrasi negara menerusi akhbar, radio dan televisyen.

Datuk Seri Mohd Adib bin Haji Mohd. Adam: Kementerian Penerangan telah menubuhkan satu Jawatankuasa khas untuk mengkaji dan melaksanakan segala tindakan yang perlu dalam usaha media Kerajaan ke arah pencapaian integrasi nasional.

Tindakan yang diambil oleh Kementerian Penerangan untuk menyeragamkan siaran televisyen ke seluruh negara dengan pemancaran

rangkaian ke 2 di Sabah dan Sarawak mulai 31hb Ogos tahun ini adalah salah satu daripada langkah tersebut. Selain daripada itu ciri-ciri yang memberi sumbangan ke arah integrasi nasional seperti penyertaan berbilang kaum dalam kegiatan-kegiatan sukan dan riadah telah disiarkan di siaran-siaran radio dan televisyen. Demikianlah juga penyertaan berbilang kaum dalam rancangan-rancangan drama dan hiburan di radio dan televisyen akan dipertingkatkan. Kementerian saya juga bekerjasama dengan Lembaga Perpaduan Negara dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta lain-lain agensi yang berkenaan untuk mendapat sumbangan serta bahan-bahan yang perlu untuk menyemai perasaan integrasi nasional di kalangan rakyat.

Di bidang akhbar, suka saya nyatakan di sini pihak akhbar terus memberi kerjasama ke arah pencapaian integrasi iaitu dengan memuatkan rencana-rencana dan cerita-cerita yang boleh menyatupadukan rakyat. Di samping itu, beberapa lawatan para pengarang akhbar, orang-orang kenamaan serta rakyat biasa di Sabah dan Sarawak terus diusahakan dengan harapan melalui penemuan dan perbincangan seperti itu, proses integrasi akan dapat disegerakan perlaksanaannya.

UNIVERSITI KEENAM— PENUBUHAN

15. Tuan Lim Liang Seng minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah sebabnya keputusan telah dibuat secara tergesa-gesa untuk mengadakan Universiti Keenam dan apakah fakulti-fakulti yang akan diadakan serta berapakah pengambilannya mulai tahun 1984.

Menteri Pelajaran (Datuk Dr. Sulaiman bin Haji Daud): Kementerian Pelajaran sejak beberapa tahun kebelakangan telah

merasai bahawa sebuah lagi universiti perlu didirikan untuk memenuhi permintaan pelajaran tinggi di peringkat universiti. Perancangan terperinci mengenai penubuhan Universiti Keenam ini telah dimulakan sejak tahun 1982, dan tidak dibuat tergesa-gesa. Pusat-pusat pengajian yang akan dimulakan pada tahun 1984 ialah Pusat Sains Pentadbiran dan Pengurusan dan Pusat Ekonomi dan Perakaunan, dengan pengambilan pelajar seramai kira-kira 300 orang.

GAN KIAT GUAN—KEMATIAN NELAYAN

16. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada siasatan ke dalam penembakan mati seorang nelayan bernama Gan Kiat Guan berumur 19 tahun di Batu Pahat pada 15-5-83 oleh anggota Polis telah selesai, jika ya, nyatakan hasil siasatan tersebut.

Tuan Mohd Kassim bin Ahmed: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, siasatan Polis sudah pun selesai dan kertas siasatan telahpun dikemukakan kepada Yang Arif Timbalan Pendakwa Raya untuk keputusan selanjutnya.

TRAGEDI KOREAN AIRLINES

17. Tuan Ling Sie Ming minta Menteri Luar Negeri menyatakan sikap dan pendirian Kerajaan terhadap kejadian kejam di mana kapalterbang awam Korea telah ditembak oleh Russia, mengakibatkan seorang warganegara Malaysia terbunuh.

Menteri Luar Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Saya mohon izin untuk maklumkan bahawa soalan dari Ahli Yang Berhormat dari Sibu ini sudahpun dijawab pada 11hb Oktober 1983 semasa menjawab

soalan dari Ahli Yang Berhormat dari Kinta kerana ia merupakan soalan sama.

Saya tidak ada apa-apa tambahan kepada jawapan tersebut.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1984

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1984

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1984 dan Anggaran Pembangunan, 1984 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (Hari Kedua).

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang Dipertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Maksud B. 1, B. 2, B. 3, B. 4, B. 5, B. 6, B. 7, B. 8, B. 9, B. 10, B. 11, B. 12, B. 13, B. 14 dan B. 15 (Jadual)—

Maksud P. 7, P. 8 dan P. 9 (Anggaran Pembangunan, 1984)—

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Wakil dari Jerai.

3.38 ptg.

Tuan Ismail bin Arshad (Jerai): Tuan Pengerusi, menyambung apa yang saya katakan pada petang semalam bahawa dengan banyaknya maklumat-maklumat yang diberikan di mana jumlahnya ini begitu besar jika dibandingkan dengan kemampuan pegawai-pegawai yang akan mengendalikan penyiasatan, maka berertilah sudah tidak wujudnya

kemampuan bagi dapat menyempurnakan ataupun dapat menyelesaikan segala maklumat-maklumat yang diberikan.

Misalnya, pada tahun 1983 juga dijangka meningkat kepada 12,100 maklumat dikendalikan, tetapi jangkauan yang diberikan untuk dapat membuka kertas penyiasatan hanya sekadar 1,770 kes. Dengan ini sekali lagi jelas bahawa sekiranya menjelang tahun 1984, angka ramalan 13,300 kes yang akan diberikan maklumatnya juga akan terbengkalai kerana tidak dapat menyempurnakan berbanding dengan kemampuan pegawai-pegawai yang ada. Inilah yang pernah saya dapati rungutan-rungutan daripada masyarakat, daripada orang ramai mengatakan bahawa BPR tidak mempunyai kemampuan dan pihak BPR sendiri boleh dikatakan kebanyakan kes-kes aduan yang diberikan tidak menampakkan sesuatu kesan ataupun dianggap sepi begitu sahaja.

Apa yang jelas sebenarnya hari ini disebabkan oleh kerana kemampuan pegawai-pegawai yang mengendalikan urusan itu sendiri dan kalau kita hendak berikan satu kes terpaksa disiasat memakan masa seminggu, sebulan baru dapat 4 kes, setahun baru dapat 48 kes dan kalau 100 pegawai yang diletakkan baru terdapat sebanyak kira-kira 4,800 kes berbanding dengan berbelas ribu kes maklumat yang dikemukakan kepada pihak BPR.

Apa yang seharusnya menarik perhatian pihak Kementerian dipertanggungjawab kepada BPR ini ialah seharusnya memberi penilaian kalau sekiranya berkehendakkan kepada kecekapan dan kepada kesempurnaan melaksanakan peranan yang dikehendaki berdasarkan kepada prestasi kepada agensi ini, maka peruntukan dan juga pegawai-pegawai

yang seharusnya dapat melaksanakan peranannya ini haruslah ditambah dan terutama sekali bagi tahun-tahun yang akan datang.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, suka juga saya menyatakan di sini, saya tidak tahulah sama ada benar atau tidak, walau bagaimanapun saya berharap dalam jawapan Yang Berhormat Menteri nanti akan dapat menjelaskan tentang adanya percakapan-percakapan yang mengatakan ada kes-kes yang diadu ataupun yang dilaporkan tetapi kadang-kadang kalanya fail-failnya dibuka tetapi tidak sesuatu tindakan dibuat dan kadang-kadang kalanya kononnya ada kawan rapat ataupun kenalan-kenalan yang dapat menghubungi supaya fail-fail seumpama itu dibekukan. Saya harap apa yang saya nyatakan ini tidaklah benar. Walau bagaimanapun seharusnya mendapat perhatian bagi pihak BPR sendiri, agar sekiranya keadaan ini benar ataupun tidak dapat dijelaskan dan kalau sekiranya benar haruslah perkara yang seumpama ini tidak boleh diwujudkan kerana kalau ini berlaku maka bertilahlah tidak adanya amanah dan apa lagi kecekapan dalam mengendalikan perkara-perkara yang dilaporkan.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh di dalam Maksud Bekalan 12, Jabatan Pemegang Amanah Raya, Pentadbiran Pesaka dan Penyimpanan Harta Musuh, muka surat 108 di bawah Butiran 1100 dan di bawah Aktiviti (3) Pesaka.

Tuan Pengerusi, dalam perkara ini sekali lagi saya membangkitkan masalah yang sama sepertimana yang saya nyatakan kepada BPR tadi dan juga seperti yang telah saya komen dalam Belanjawan yang sama pada tahun lepas di mana tujuan kita ialah mengharapkan supaya kes-kes

penyelesaian di dalam bidang harta pesaka ini dapat diselesaikan secepat mungkin dan jika kita lihat daripada kedudukan yang ada nampaknya peruntukan pada tahun ini berkurangan lagi daripada peruntukan tahun 1983. Pada tahun 1983 peruntukan diberi \$1,472,300 tetapi pada tahun ini, untuk tahun 1984 hanya \$1,465,000 sahaja diperuntukkan.

Apa yang saya lihat di sini ialah tentang kes-kes yang diterima di dalam pembahagian harta pesaka ini, kes-kes yang diterima pada tahun 1982 3,965 kes, kes yang selesai 4,586, kes dari tahun lalu yang dibawa ke hadapan 4,640 dan bilangan kes yang dibawa ke hadapan iaitu daripada tahun 1982 ke tahun 1983 sebanyak 4,015 kes. Begitu juga pada tahun 1983 dijangka 4,000 kes baru yang diterima. Bilangan kes yang selesai 3,500, yang dibawa daripada tahun lalu 4,015 dan dijangka akan dibawa pula kepada tahun hadapan, tahun 1984 sebanyak 4,515 kes. Jadi nampaknya daripada tahun 1982 ke tahun 1983 tidak berubah. Tahun 1983 ke tahun 1984 bertambah bukan berkurangan.

Jadi, di sini menunjukkan bahawa prestasi melaksanakan tugas dan aktiviti oleh bidang pembahagian harta pesaka dan kes-kes harta pesaka ini nampaknya masih lagi bertimbun dan perlu diberi perhatian yang langsung agar ianya dapat diselesaikan seperti yang sepatutnya. Tetapi memandangkan bahawa kedudukan ini masih berkekalan dengan peruntukan yang masih berkurangan dan kakitangan juga adalah sama sepertimana tahun-tahun yang lalu sudah pastilah harapan kita untuk mencapai kejayaan yang lebih besar di dalam urusan pentadbiran harta pesaka yang seumpama ini tidak akan dapat diselesaikan. Dengan ini saya berharap akan dapat perhatian yang

langsung daripada pihak Kerajaan kerana kalau sekiranya hanya dengan cogan kata hanya untuk cekap, bersih, tidak mungkin dapat melaksanakan kecekapan itu kalau sekiranya kemampuan tidak diwujudkan. Kemampuan adalah tenaga yang maha penting untuk menyelesaikan bebanan-bebanan semasa yang terpaksa diselesai, apa lagi menghadapi bebanan-bebanan yang bertambah daripada masa ke semasa. Saya harap apa yang saya bangkitkan ini benar-benar akan menarik perhatian dan mengambil ingatan supaya tindakan dapat diambil dan bukan sahaja apa yang dapat diperkatakan di Dewan ini hanya tinggal dengan rekod begitu sahaja tetapi tidak ada sesuatu tindakan dan kekesanan yang dapat diambil perhatian ataupun dilaksanakan.

Lagi satu, Tuan pengerusi, saya akan sentuh juga mengenai B. 9 di bawah Butiran 1100 di bawah Aktiviti (1) sehingga (4) yang saya rangkumi sekali iaitu di bawah Jabatan Kehakiman.

Tuan Pengerusi, ini lagi satu masalah yang sama yang juga menarik perhatian saya di mana keadaannya nampaknya tidak begitu berubah malahan beban-beban kerja semakin meningkat dan bukan sahaja peningkatan itu sekadar beberapa kes tetapi meningkat kepada berpuluh ribu kes. Apa yang kita ketahui sehingga ini di Malaysia terdapat sebanyak 32 Mahkamah Tinggi, 38 Mahkamah Sesyen dan 185 Mahkamah Magistrate dan kita dapati strategi di bidang Kehakiman ialah akan cuba menyelesaikan kes-kes yang dibawa ke mahkamah dengan seberapa segera dan juga berusaha melicinkan lagi pelaksanaan pentadbiran keadilan dan memelihara kebebasan kehakiman. Ini menurut strategi di bawah bidang Jabatan Kehakiman.

Apa yang menarik perhatian saya pada tahun lepas pun saya komen juga di dalam bidang ini kerana kita dapati kurangnya hakim-hakim di dalam mahkamah-mahkamah dan wujudnya mahkamah-mahkamah yang ada sekarang ini tidak mencukupi menyelesaikan kes-kes yang dibawa ke mahkamah dan dengan ini berertilah harapan untuk melicinkan lagi pelaksanaan pentadbiran keadilan dan memelihara kebebasan kehakiman ini tidak mungkin dapat sampai sepertimana prestasi yang diharapkan.

Suka saya menarik perhatian, Tuan Pengerusi, tentang kes-kes yang ada sejak tahun 1982 dibawa kepada tahun 1983 dan dijangka dibawa kepada tahun 1984. Saya mengambil satu sahaja, misalnya Mahkamah Tinggi. Kes tunggakan daripada tahun 1982 15,573 kes, ini pada tahun 1982 iaitu kes tahun 1981 dibawa ke tahun 1982. Kes didaftar pada tahun 1982 31,703. Kes yang diselesaikan hanya 10,214 dan kes dibawa ke hadapan sebanyak 37,062. Ini pada tahun 1982.

Dibawa pula kepada tahun 1983 yang ada sekarang ini, di Mahkamah Tinggi juga, kes tunggakan tahun lalu dibawa kepada tahun 1983 37,062 kes. Kes yang didaftarkan pada tahun 1983, 32,945 kes. Kes yang diselesaikan baharu sekadar 12,500 kes dan baki yang belum diselesaikan 57,507 kes. Ini dijangka pada akhir tahun 1983. Dan jika dibawa sebagai ramalan pada tahun 1984 berdasarkan kepada belanjawan yang ada ini, baki pada tahun 1983 yang dijangka dapat selesai hanya 13,600. Ini bererti dapat ditingkatkan 1,000 kes daripada tahun 1983 dan apa yang menimbulkan masalahnya ialah kes yang terbengkalai mungkin akan dibawa kepada tahun 1985 sebanyak 77,286 kes.

Ini sebagai angka ramalan. Walau bagaimanapun, daripada pengalaman kita membuktikan bahawa pe-

ningkatan adalah begitu berganda-ganda. Kalaulah sekiranya harapan untuk cuba menyelesaikan kes yang dibawa ke Mahkamah dan juga dengan harapan untuk melicinkan pelaksanaan pentadbiran keadilan itu dibuat, saya percaya ini adalah suatu angan-angan yang tidak mungkin boleh diselesaikan. Ini nyata dan jelas sekali bahawa harapan prestasi dan strategi yang saya sebutkan tadi suatu angan-angan memandangkan itu baharu sahaja kes untuk Mahkamah Tinggi.

Begitu juga kes untuk Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret. Kalau dilihat di Mahkamah Majistret sahaja pada akhir tahun 1984 akan baki 45,210 kes, ini sebagai ramalan. Pada tahun 1983 berbaki 44,460 kes, dan pada tahun 1982 yang dibawa kepada tahun 1983 sahaja pun 44,419 kes.

Jadi saya berharaplah Jabatan Kehakiman ini akan dapat memikirkan sebaik-baiknya masalah yang sedang dihadapi ini dan jangan cuba hanya meletakkan sebagai suatu angan-angan yang jelas dan yang nyata bahawa apa yang dirancangkan ini tidak dapat membawa penyelesaian.

Apa yang pentingnya tindakan segera perlu diambil. Bagi meningkatkan peruntukan-peruntukan kepada Jabatan Kehakiman dan juga mewujudkan peruntukan-peruntukan bagi mengadakan lebih banyak atau menambahkan lagi bangunan Mahkamah-mahkamah ataupun tempat-tempat yang boleh membawa penyelesaian kes-kes yang sedang bertambah. Kalau ini tidak diambil tindakan segera berertilah ianya akan meninggalkan keadaan berlarutan, mungkin sampai ke tahun 1990 kelak pun ianya tidak akan selesai-selesai dan jelas seperti yang saya katakan tadi bahawa pertambahan itu berganda-ganda

daripada satu tahun ke satu tahun dan bukan sekadar berpuluh-puluh kes tetapi sampai berpuluh ribu kes yang tidak boleh diselesaikan.

Pada tahun lepas juga saya membangkitkan masalah ini dan dalam jawapan bagi pihak Menteri menyatakan akan diberi perhatian dan diambil tindakan tetapi jelas pada tahun ini tidak satu kesan yang dibuat dan terbukti bahawa kes-kes yang bertambah-tambah ini menunjukkan bahawa ianya tidak dapat sesuatu penyelesaian yang boleh diselesaikan.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh di bawah Bekalan 4 iaitu Suruhanjaya Pilihanraya. Di bawah Butiran 1100 dan di bawah Aktiviti (2) Pendaftaran Pemilih dan Penyemakan Daftar Pengundi dan Pemilih. Apa yang saya ingin sentuh di sini, Tuan Pengerusi, ialah tentang pendaftaran pemilih dan penentuan kawasan-kawasan ataupun tempat-tempat mengundi bagi sesuatu kawasan Pilihanraya.

Apa yang menimbulkan masalah ialah terdapatnya kadang-kadang kala kesilapan yang berlarutan. Misalnya terdapat penduduk yang berada di dalam Kampung A yang sepatutnya ataupun biasanya mengundi dalam kawasan A iaitu kawasan yang sama tetapi apabila Buku Pendaftaran baharu dikeluarkan kerap kali ianya berlaku kesilapan-kesilapan dan perubahan yang kadang-kadang kala amat menyusahkan kepada pengundi-pengundi apabila ianya hendak membuang undi kerana kadang kala kampung-kampung yang berkenaan itu telah berpindah masuk dalam kawasan-kawasan yang lain.

Sungguh pun saya percaya bahawa keadaan ini bukanlah disengajakan mungkin ianya adalah suatu kesilapan yang tidak sengaja tetapi jelaslah terdapatnya kelemahan-kelemahan di dalam pengendalian ini. Saya tidak

tahulah sama ada kelemahan-kelemahan berasas daripada pegawai-pegawai daripada peringkat kawasan atau pun daerah yang mengemukakan kepada Ibu Pejabat Suruhanjaya di peringkat negeri atau pun di peringkat Persekutuan. Tetapi jelas bahawa seperti yang saya katakan tadi terdapatnya kesilapan-kesilapan letak kampung-kampung ataupun kesilapan letaknya pengundi-pengundi itu sendiri. Dan sebenarnya penyusunan-penyusunan yang dibuat seharusnya untuk memberi kemudahan dan melicinkan lagi urusan pengundian pada masa pilihanraya tetapi sebaliknya dengan kerana kesilapan-kesilapan di mana diletak suatu kampung dan suatu kawasan pengundi termasuk di dalam kawasan-kawasan yang lain telah memberi banyak kesusahan daripada pengundi-pengundi yang seharusnya mengundi di tempat yang berdekatan kadang-kadang terpaksa melintasi satu kawasan yang lain untuk mendapat pengundian di mana terdapatnya list atau dalam buku pendaftaran pengundi tadi berada di dalam kawasan yang tersebut.

Oleh itu, saya berharaplah supaya dapat diambil perhatian, terutama sekali apabila wujudnya pemecahan kawasan pilihanraya yang berdasarkan kepada pertambahan kawasan seperti yang diluluskan oleh Dewan ini pada bulan Ogos yang lalu, di mana dalam penyusunan ini jangan pula berlaku masalah-masalah yang saya katakan tadi, terutama sekali dalam penyusunan tersebut kemungkinan pecahan-pecahan dibuat hanya pecahan berdasarkan kepada bilangan pengundi tetapi tidak berasaskan kepada kedudukan kampung-kampung atau pun kedudukan kawasan-kawasan pemilih itu sendiri.

Kalau ini berlaku maka berertilah lagi sekali kesusahan-kesusahan itu akan menimbulkan masalah kepada

pengundi dan kadang-kadang kala ianya tidak akan membawa apa-apa keuntungan.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh di bawah Bekalan bagi Parlimen di bawah Butiran 1100 dan di bawah Aktiviti (2) iaitu Mengurus dan Mentadbirkan hal-hal berkaitan dengan persidangan Dewan.

Tuan Pengerusi, saya juga sepertimana rakan-rakan yang lain memandang berat tentang kemuliaan Dewan di mana Dewan ini merupakan suatu tempat yang tinggi yang harus dimuliakan dan adalah menjadi tanggungjawab setiap anggotanya termasuk saya sendiri bagi menghormati kesucian Dewan ini dan bagi menghormati tempat yang ada di Dewan ini maksud saya di dalam mengendalikannya sebagai suatu Dewan yang berfungsi.

Apa yang seharusnya tidak harus berlaku ialah ada setengah-setengahnya yang hanya tahu berkata-kata tetapi sepertimana kata orang Cina, "Cakap tak serupa bikin". Ada setengahnya mengambil kesempatan di Dewan ini semata-mata untuk mencari makan sedangkan pada satu ketika menganggapkan bahawa Dewan ini sebagai Dewan yang mulia iaitu tempat untuk menyuarakan hasrat rakyat dan seterusnya bagi dapat memerah fikiran dan pandangan serta pendapat untuk mencari satu kebaikan dan satu jalan yang akan membawa kesejahteraan kepada seluruh umat di negara kita ini.

Saya percaya walau dari apapun parti yang kita wakili sama ada daripada Kerajaan ataupun dari Pembangkang, tugas kita ialah melaksanakan amanah yang telah kita sumpah di Dewan ini dan pada setiap hari sebelum kita menjalankan persidangan di mana kita ada doa dan memohon restu supaya dapat kita

menjalankan tugas kita ini dengan sempurna dan baik tetapi jelaslah seperti yang saya katakan tadi masih kedapatan ada pihak yang cuba mengambil kesempatan di Dewan ini, bukan untuk menjalankan tugas dengan ikhlas dan jujur tetapi kadangkala tak ubah seperti mana peminta sedekah di tepi-tepi jalan. Maaf, Tuan Pengerusi kerana saya berkata begini sebab kadang-kadang saya pernah lihat di tepi jalan ada orang yang sanggup bersandiwara dan berpakaian istimewa ataupun berlakun untuk menarik perhatian dan kadang-kadang setengahnya ada yang membaca ayat suci al-Quran kalau orang Islam dan kalau bukan Islam macam-macam telatah yang dibuat dan ada juga setengahnya yang berlakun dan sebagainya.

(Dr Abdul Hamid bin Pawanteh
mempengerusikan Mesyuarat)

Apa yang kita faham bahawa tindakan ataupun apa yang dilakukan oleh peminta sedekah ini semata-mata bertujuan untuk menarik perhatian dengan mendapat belas ikhsan. Jadi saya percaya apa yang digunakan di Dewan ini terutamanya oleh pihak Pembangkang dengan membangkitkan sesuatu isu yang kadangkala sudah bosan kita mendengarnya tetapi masih diulang-ulangkan dengan harapan untuk mendapat sesuap nasi ataupun mendapat belas ikhsan terutama sekali apabila menghadapi pilihanraya. Misalnya dahulu pilihanraya kecil di Kepayang, pilihanraya kecil di Pahang dan sekarang ini pilihanraya kecil di Seremban. Apa yang dicakap di sana itulah dicakap di sini, itulah dicakap di tempat kempen dan dicakapkan di mana-mana sahaja. Bererti tujuannya tidak lain dan tidak bukan untuk menarik perhatian dan perhatiannya ialah supaya mendapat hidup.

Jadi saya rasa kalau bercakap di dalam Dewan ini kononnya sebagai Dewan yang mulia yang perlu

dihormati tempat yang tinggi untuk mengemukakan itu dan ini, bererti termasuklah sebagai tujuan meminta sedekah di dalam Dewan ini. Saya berharap supaya pada masa-masa yang akan datang kita semua meletakkan rasa tanggungjawab dan bukan cuba menggunakan keadaan untuk membebankan kepada satu pihak yang lain. Misalnya pada 3 haribulan yang lepas di mana sanggup pihak Pembangkang cuba membangkitkan masalah korum di Dewan ini sehingga menangguhkan Dewan ini kerana tidak ada korum sedangkan perbuatannya yang dibuat itu sebagai satu pengkhianatan apa yang dikatakan dewan ini sebagai Dewan yang mulia di mana terdapatnya ahli-ahli kita yang sedang membahas dan memberi pandangan dan pendapatnya tetapi beliau sanggup mengganggu dan menahan Dewan ini daripada bersidang kerana masalah korum semata-mata sedangkan dia sendiri juga bertanggungjawab dan kita semua bertanggungjawab dan saya juga bertanggungjawab berada di dalam Dewan ini, tetapi mengambil kesempatan yang demikian rupa adalah satu keadaan dayus dan tidak sanggup menentang keadaan yang sebenarnya dengan ikhlas dan jujur di Dewan ini. Jadi saya berharap di masa-masa yang akan datang cukuplah setakat itu sahaja perbuatan yang tak seharusnya dilakukan. Kalau keadaan itu dilakukan lagi, lebih baik berhenti dan jangan duduk di Dewan ini untuk memberi peluang kepada orang lain yang lebih bertanggungjawab bagi dapat mendalikan kesempurnaan sidang di Dewan ini kelak.

Tuan Pengerusi, saya rasa itulah sahaja beberapa perkara yang dapat saya memberi ulasan dan dapat saya kemukakan di Dewan ini tentang peruntukan-peruntukan yang di bawah Maksud Parlimen, Jabatan Suruhanjaya Pilihanraya dan juga di bawah Jabatan Kehakiman seperti yang telah saya jelaskan tadi dan saya

berharap apa yang saya kemukakan itu adalah sebagai yang benar-benar apa yang saya lihat dari kacamata dan daripada pandangan dan pengalaman dan saya berharap apa yang saya katakan itu akan mendapat perhatian semoga masalah-masalah yang saya jelaskan akan dapat diselesaikan. Kalau sekiranya apa yang diperkatakan dan dibangkitkan sebagai pandangan yang ikhlas dan jujur untuk kebaikan itu tidak diberi perhatian, maka tidak berertilah segala harapan dan segala strategi yang kita harapkan di dalam belanjawan ini.

Sekian, Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Kemaman.

4.07 ptg.

Tuan Ismail bin Said (Kemaman): Tuan Pengerusi, izinkan saya menyentuh dua perkara itu pertama di mukasurat 36, Maksud B. 3—Jabatan Audit, Program (2), dan perkara kedua, Tuan Pengerusi, saya akan sentuh ialah mukasurat 74, Maksud P. 7, Butiran 3, Penilaian Punca-punca Alam Semulajadi.

Tuan Pengerusi, mula-mula saya ingin menyentuh Maksud B. 3—Jabatan Audit, mukasurat 36, Kod 1100, program (2) iaitu Mengaudit Kira-kira Kerajaan-kerajaan Persekutuan dan Negeri-negeri dan Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan dan Berbagai Kumpulanwang. Tuan Pengerusi, sebagaimana yang kita semua maklum bahawa bidang tugas Jabatan Audit di akhir-akhir ini telah menjadi bertambah luas semenjak berkuatkuasanya Pindaan Akta Audit pada tahun 1978 di mana kedapatan pembaharuan di dalam konsep mengaudit akaun-akaun Kerajaan. Kuasa Tempatan dan juga Badan-badan Berkanun dan kita dapati

bahawa unsur-unsur yang terdapat di dalam konsep ini boleh saya bahagikan kepada tiga aspek yang penting dan aspek-aspek ini bolehlah saya senaraikan seperti berikut:

- (1) Audit kewangan (Attestation Audit) yang dilakukan setiap tahun untuk mengesahkan akaun-akaun dan penyata kewangan tahunan.
- (2) Audit Undang-undang, Peraturan dan juga Arahan (Compliance Audit), iaitu untuk memeriksa urusan-urusan sesuatu agensi untuk menentukan sama ada undang-undang ataupun peraturan-peraturan serta arahan-arahan berkaitan dipatuhi.
- (3) Audit Prestasi (Performance Audit), ini adalah satu bidang-bidang tugas yang baru di mana pihak Audit akan mengkaji urusan-urusan dan pencapaian hasil kerja sesuatu agensi untuk menilai sama ada ianya dilakukan dengan cekap dan berkesan dan sama ada menepati dengan objektif sesuatu projek ataupun program yang diluluskan oleh pihak Kerajaan.

Jadi Audit Prestasi ini telah diperakui bahawa seharusnya diberi perhatian yang sama berat.

Tuan Pengerusi, selain daripada bidang tugas yang saya sebutkan tadi pihak Audit juga telah dibebankan dengan satu bidang tugas yang baru dengan berkuatkuasa Akta Badan-badan Berkanun, Akta 240, mulai tahun kewangan 1981 di mana Jabatan Audit hendaklah mengaudit juga akaun semua Badan-badan Berkanun Persekutuan. Jadi, Tuan Pengerusi, mengenai perangkaan yang ada pada saya adalah didapati bahawa dalam tempoh 1980 hingga 1982 pihak Audit telah menerima sebanyak 258 Penyata

Akaun Badan-badan Berkanun yang berkenaan pada tahun 1980 dan 1981 serta juga akaun yang terdahulu dari itu.

Tuan Pengerusi, jadi daripada angka-angka yang saya berikan tadi jelaslah kepada kita bahawa tugas Audit dan juga beban kerja Audit telahpun bertambah dari masa ke masa. Ini bermakna, Tuan Pengerusi, Jabatan Audit memerlukan tambahan kakitangan yang banyak tetapi yang menjadi masalah kepada Jabatan Audit pada hari ini ialah susahnya untuk mendapat dan mengekalkan pegawai-pegawai Audit terutama sekali di peringkat Juruaudit dan juga pemeriksa kira-kira kerana tidak ramai orang-orang layak, orang yang berkelulusan yang ingin berkhidmat dengan Jabatan Audit dan juga berminat untuk bekerja di Jabatan ini dengan menjalankan kerja-kerja Audit. Jadi inilah masalah kepada Jabatan Audit sekarang, Tuan Pengerusi, dan di samping itu ada pula pegawai-pegawai yang bertugas dengan Jabatan Audit yang meninggalkan Jabatan ini apabila mendapat tawaran yang lebih lumayan di tempat-tempat lain.

Tuan Pengerusi, sungguhpun bilangan jawatan audit telah bertambah sebanyak 78% iaitu 73 Juruaudit dan 358 Pemeriksa Kira-kira pada tahun 1978 telahpun bertambah kepada 178 Juruaudit dan 642 Pemeriksa Kira-kira pada tahun 1983 akan tetapi bilangan pegawai yang ada ataupun jawatan yang diisi hanya 80% sahaja. Inilah, Tuan Pengerusi, yang menyebabkan kelewatan bagi pihak Jabatan Audit membentangkan laporan kewangan tahunan ke Parlimen ini untuk tatapan kita semua. Tuan Pengerusi, di sini adalah diharapkan agar pihak Kerajaan melalui JPA misalnya hendaklah memandang serius akan masalah yang dihadapi oleh pihak Jabatan Audit.

Sesuatu hendaklah dilakukan agar kerja-kerja mengaudit akaun Kerajaan ini, akaun Badan-badan Berkanun dan juga Penguasa-penguasa Tempatan dapat menarik minat calon-calon baru yang berkeelayakan dan dapat mengekalkan pegawai-pegawai yang sedia berkhidmat di Jabatan Audit sekarang ini. Jadi dengan hal demikian maka tugas-tugas untuk mengaudit akaun-akaun yang saya sebutkan tadi dapat dijalankan dengan lebih sempurna dan lebih licin dan dapatlah kita terutama sekali Ahli-ahli Dewan Rakyat dapat menatapi laporan tahunan dengan lebih sempurna dan lebih cepat lagi.

Tuan Pengerusi, perkara kedua sepertimana yang saya katakan tadi mukasurat 74, Maksud P. 7 Butiran 3, Penilaian Punca-punca Alam Semulajadi. Di bawah butiran ini, Tuan Pengerusi, izinkan saya menyentuh sedikit berhubung dengan perusahaan petroleum yang sedang rancak berjalan di negeri Terengganu pada hari ini.

Tuan Pengerusi, adalah menjadi harapan pihak Kerajaan Negeri Terengganu iaitu dengan penemuan hasil minyak yang banyak di kawasan luar pantai negeri Terengganu ini dan juga hasil minyak ini dapat digunakan dengan sebaik-baiknya bukan sahaja untuk pertumbuhan ekonomi negeri pada amnya tetapi juga untuk menggerakkan pertumbuhan ekonomi negeri Terengganu itu sendiri di mana punca minyak itu ditemui dan juga di samping itu memberi peluang pekerjaan kepada penduduk-penduduk tempatan yang bertambah dan juga memberi peluang seberapa banyak yang boleh kepada penduduk-penduduk tempatan berhubung dengan penemuan hasil minyak di negeri Terengganu ini.

Tuan Pengerusi, izinkan saya membangkit dalam Dewan ini beberapa isu yang hangat yang sedang

dipercakapkan tiap-tiap hari dan telah menjadi buah mulut penduduk-penduduk Terengganu pada hari ini dan juga pada saat-saat ini. Isu ini, Tuan Pengerusi, bolehlah saya senaraikan seperti berikut:

Isu yang pertama yang dibangkitkan, Tuan Pengerusi, yang pertama, penglibatan tenaga pekerja-pekerja tempatan di kawasan carigali dan pelantar minyak di kawasan luar pantai. Tuan Pengerusi, Pengerusi, memang diakui iaitu penemuan sumber minyak di kawasan luar pantai dan dengan bertambahnya kegiatan carigali minyak di kawasan luar pantai ramai juga tenaga pekerja tempatan dapat peluang bekerja di kawasan carigali minyak luar pantai ini. Tetapi, Tuan Pengerusi, pekerja-pekerja ini kebanyakannya diambil bekerja oleh kontraktor-kontraktor EPMI yang terlibat dengan kerja di pelantar di berbagai bahagian dan pengambilan pekerja-pekerja ini adalah dibuat melalui agensi pembekal tenaga pekerja, tidak melalui Kerajaan Negeri Terengganu. Agensi pembekal tenaga pekerja yang dapat saya kenalpasti setakat ini boleh saya katakan di sini iaitu yang bernama, dengan izin, Tuan Pengerusi, Offshore Manpower Supply Sdn. Bhd. Pentadbiran Kerajaan Negeri Terengganu tidak mempunyai maklumat yang tepat tentang bilangan penyertaan tenaga pekerja tempatan yang digunakan oleh kontraktor-kontraktor yang berkenaan ini, kerana EPMI telah menggunakan dasar terbuka tentang pengambilan tenaga pekerja oleh kontraktor di pelantar-pelantar dan jumlah tenaga pekerja kontraktor berkenaan adalah terpulang kepada kontraktor-kontraktor yang berkenaan. Jadi saya berharap supaya pihak PETRONAS yang bertanggungjawab kepada masalah ini supaya mengawasi akan perkara ini.

Isu yang kedua, Tuan Pengerusi, saya hendak bangkitkan di sini ialah

masalah layanan terhadap pekerja-pekerja tempatan di pelantar-pelantar luar pantai. Masalah kebajikan pekerja tempatan yang bekerja di kawasan luar pantai ini memang agak terdedah kepada tekanan dan diskriminasi kalau saya boleh gunakan perkataan itu di sini, Tuan Pengerusi, oleh kontraktor-kontraktor kerana ketiadaan tempat mengadu. Pekerja-pekerja di tempat bekerja dan kurangnya pekerja-pekerja tempatan anak negeri di peringkat tinggi ini di pelantar-pelantar pengerudian ataupun drilling, Tuan Pengerusi, dan pelantar di kawasan luar pantai. Tuan Pengerusi, pihak PETRONAS sukar mengawal kerana masih kekurangan kakitangan bagi ditempatkan di pelantar-pelantar dalam kontrak EPMI dan kakitangan yang dihantar di pelantar berkenaan juga hanyalah merupakan pembantu-pembantu luar sahaja, kakitangan teknikal yang bukan bertanggungjawab bagi meneliti kebajikan pekerja-pekerja.

Kakitangan PETRONAS ini juga bukanlah berada setiap masa di setiap pelantar carigali minyak ini.

Isu yang ketiga, Tuan Pengerusi, ialah kurangnya penglibatan tenaga pekerja mahir, separuh mahir tempatan di projek petroliam di daratan.

Tuan Pengerusi, penempatan banyaknya projek raksaksa petroliam dan gas di kawasan Kertih hingga ke kawasan Cukai, memang banyak membuka peluang pekerjaan baharu. Sungguhpun begitu, bidang pekerjaan yang diceburi oleh pekerja-pekerja tempatan kebanyakannya adalah di bidang kerja am yang tidak memerlukan kemahiran. Kerja-kerja yang memerlukan kemahiran umumnya tidak diberi peluang kepada anak-anak tempatan dari negeri Terengganu. Sesungguhpun, saya yakin adalah didapati bahawa terdapat lebih kurang 500 orang tenaga pekerja

separuh mahir tempatan yang telah mendapat latihan di berbagai bidang kemahiran di berbagai-bagai pusat latihan tetapi nampaknya pihak kontraktor enggan ataupun berat menerima mereka ini bekerja bersama-sama dengan mereka sebagai kontraktor.

Tuan Pengerusi, saya berharap pihak PETRONAS memandang perkara ini dengan serius sungguhpun saya difahamkan bahawa pihak PETRONAS ada juga mensyaratkan kepada kontraktor supaya sekurang-kurangnya 30% daripada tenaga-tenaga pekerja itu diambil daripada pekerja-pekerja tempatan tetapi pada praktiknya didapati bahawa kontraktor ini mengambil pekerja-pekerja tempatan secara bak pepatah "lepas batuk di tangga sahaja", Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi, isu yang keempat yakni saya bawa di sini iaitu kurangnya pemborong-pemborong tempatan dipilih oleh pemborong-pemborong utama (main contractor) menjalankan projek-projek di kawasan petroliam dan juga gas. Keadaan ini memang menjadi isu yang hangat kepada pemborong tempatan di satu ketika dahulu memandangkan ada kerja-kerja yang diperolehi oleh pemborong-pemborong luar sebenarnya boleh dibuat oleh pemborong-pemborong tempatan. Sungguhpun keadaan pada hari ini telahpun berubah tetapi adalah masih didapati belum memberi tahap kepuasan lagi kepada pemborong-pemborong tempatan.

Misalnya, Tuan Pengerusi, izinkan saya memberi contoh kepada dua projek yang dijalankan sekarang, pertama projek Paip Gas di daratan di mana main contractornya ataupun pemborong utamanya ialah Mek Sui Engineering dan 12 sub-contractor diberi, daripada 12 sub-contractor ini cuma 2 pemborong bumiputera

daripada Terengganu sahaja yang diberi peluang. Projek yang kedua projek Loji Memproses Gas. Main contractornya Toyo Engineering, daripada 23 sub-contractor yang diberi oleh main contractor ini cuma 4 pemborong bumiputera Terengganu sahaja yang mendapat peluang. Jadi, saya berharap kepada pihak PETRONAS supaya meneliti perkara ini.

Isu yang kelima yakni saya bawa di sini iaitu kerja yang boleh dilakukan oleh orang tempatan hendaklah diberi kepada orang tempatan melaksanakannya—minta maaf, Tuan Pengerusi, saya agak semangat regionalism sedikit tetapi walaupun demikian, adalah merupakan isu yang dibawa dan kami menghadapi masalah untuk mengatasinya.

Tuan Pengerusi, perkara ini memangnya patut dilaksanakan sejak dari dahulu lagi dan ini dapatlah dikurangkan sentimen, sentimen masyarakat tempatan dari beranggapan bahawa anak diriba ditinggalkan ataupun diletakkan, kera di hutan disusukan. Inilah jargon yang paling popular sekali digunakan oleh anak-anak tempatan Terengganu. Pihak PETRONAS dan lain-lain badan yang terlibat dengan pengambilan pekerja-pekerja patutlah mengambil perhatian ini supaya jawatan-jawatan yang boleh diisikan oleh tenaga pekerja tempatan hendaklah diberi peluang dan diisi dengan tenaga pekerja tempatan, jangan diisi tenaga pekerja daripada tempat lain.

Isu keenam, ialah proses pemindahan kemahiran dan teknologi industri petroliaam. Tuan Pengerusi, memandangkan tenaga pekerja anak negeri Terengganu masih kekurangan di bidang teknologi industri petroliaam maka latihan khas dan khusus patutlah dibuat oleh pihak PETRONAS dan badan-badan lain yang terlibat dengan

industri petroliaam ini seperti EPMI bagi melatih lebih ramai lagi anak tempatan di dalam industri yang berkenaan. Sungguhpun, Tuan Pengerusi, memanglah diakui pada masa ini latihan-latihan dijalankan dan anak-anak negeri Terengganu diberi peluang tetapi mengikut perangkaan yang ada pada saya memanglah jauh daripada memuaskan hati kami.

Contohnya, Tuan Pengerusi, izinkan saya memberi statistik pecahan senarai pelatih kakitangan PETRONAS sehingga Februari, 1983. Daripada 9 projek latihan yang dianjurkan oleh PETRONAS yang melibatkan jumlah pelatih sebanyak 587 didapati cuma 281 sahaja pelatih yang diambil daripada negeri Terengganu ataupun sebanyak 47% sahaja. Jadi, saya berharap supaya di masa-masa akan datang pihak PETRONAS memberi peluang yang lebih luas kepada anak tempatan Terengganu dan juga memberi peluang kepada anak tempatan Terengganu menyertai kursus dalam bidang-bidang yang lebih luas lagi supaya mereka ini dapat bersamasama menyertai dan memberi sumbangan kepada kemajuan negeri Terengganu pada keseluruhannya hasil daripada penemuan minyak di negeri Terengganu ini.

Tuan Pengerusi, isu yang akhir sekali yang saya ingin sebut di sini dan juga menjadi buah mulut orang-orang Terengganu iaitu masalah pencemaran laut China Selatan di perairan Terengganu, ini kemungkinan akan berlaku pencemaran.

Tuan Pengerusi, kegiatan-kegiatan carigali penggerudian (drilling), pemasangan paip-paip dari pelantar minyak, palantar gas ke pantai-pantai Terengganu telahpun sedikit sebanyak menjejaskan kehidupan laut. Kawasan tangkapan rumah-rumah ikan dan juga bubu-bubu nelayan tempatan di

mana kita dapati bahawa kawasan-kawasan yang saya sebutkan tadi kira-kira 12,000 nelayan Terengganu sejak turun temurun lagi mencari nafkah di sana. Jadi keadaan ini, kemungkinan akan menjejaskan ekonomi nelayan-nelayan yang saya katakan seramai 12,000 orang tadi. Jadi, saya berharap supaya pihak PETRONAS akan memandang perkara ini dengan serius dan menjalankan kegiatan-kegiatan agar tidak menjejaskan setakat mana yang mungkin kepada nelayan ataupun kawasan tangkapan bagi nelayan-nelayan berkenaan supaya mereka ini dapat mencari nafkah mereka dengan lebih senang lagi dan tanpa diganggu oleh perkara-perkara ataupun pencemaran-pencemaran yang mungkin berlaku pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Ulu Nerus.

4.30 ptg.

Tuan Mamat Ghazali bin Abdul Rahman (Ulu Nerus): Tuan Pengerusi, saya suka juga menyentuh dua perkara dalam ucapan saya. Perkara pertamanya ialah berkenaan Maksud B. 4, 1100 (3)—Suruhanjaya Pilihanraya, aktiviti Perjalanan Pilihanraya, pada muka surat 40:

Yang keduanya, saya suka menyentuh Maksud P. 7, Butiran 16 Lembaga Urusan Tabung Haji, muka surat 74.

Pertamanya, saya suka menyentuh Kepala B. 4 Suruhanjaya Pilihanraya, Butiran 1100 (3)—Penjalanan Pilihanraya dan saya sebagaimana rakan saya dari Kemaman suka membangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini satu perkara yang memang telah menjadi perkara yang hangat diperbincangkan dan merupakan perkara yang menjadi ketakutan kepada pengundi-pengundi terutamanya di Terengganu.

Tuan Pengerusi, pada pandangan saya satu perkembangan yang tidak sihat yang boleh mengancam proses demokrasi dan keselamatan telah mula wujud dalam pilihanraya umum dan pilihanraya-pilihanraya kecil di negeri kita. Perkembangan yang tidak sihat ini adalah berhubung dengan berleluasanya perbuatan-perbuatan yang menyalahi dan melanggar peraturan-peraturan pilihanraya dan kegirahan setengah-setengah golongan menggunakan setengah-setengah taktik-taktik yang boleh menimbulkan ketegangan dan penggunaan ugutan terhadap rakyat dan pekerja-pekerja parti lawan mereka bukan sahaja dalam masa kempen pilihanraya malah juga pada masa penguasaan undi. Malahan anggota-anggota keselamatan juga tidak lepas daripada menjadi sasaran golongan-golongan ini sebagaimana telah berlaku dan sebenarnya telah berlaku dalam pilihanraya kecil Binjai, Terengganu yang lalu di mana anggota-anggota polis yang sedang bertugas telah dirintang dan dihadang dengan dawai dan seorang daripadanya terpaksa dirawat di hospital kerana mengalami kecederaan.

Dalam pilihanraya umum bulan April, 1982 yang lalu dan pilihanraya Kecil Binjai juga berbagai taktik-taktik dan cara-cara yang menyalahi dan melanggar peraturan dan ketertiban pilihanraya telah digunakan oleh setengah-setengah pekerja-pekerja, dan ahli-ahli dan penyokong-penyokong parti politik tertentu. Mereka bukan sahaja menggunakan isu-isu yang boleh menakut-nakut dan mempengaruhi pengundi-pengundi tetapi yang lebih ekstrimis lagi pada pandangan saya, mereka telah menggunakan cara-cara yang saya anggap cara-cara anarki atau yang hampir kepada anarki untuk mencari kemenangan. Dalam kempen-kempen pilihanraya perbuatan mengoyak posters dan ceramah-ceramah yang menghasut memang telah menjadi

satu lumrah. Sungguhpun tindakan ini telah menimbulkan ketegangan ianya telah dapat dibendung setakat ini. Tetapi apa yang berlaku dalam pilihanraya umum 1982 dan pilihanraya kecil Binjai adalah sangat-sangat mengkhawatirkan kerana hampir-hampir telah membawa demokrasi dan kedaulatan undang-undang di negara ini ke lambang anarki.

Terlalu banyak taktik-taktik ala revolusi telah digunakan untuk mencari kemenangan melalui proses demokrasi. Apa yang membimbangkan saya ialah bahawa gerakan-gerakan dan taktik-taktik ini bukanlah reaksi dan hasil daripada apa-apa provokasi atau yang timbul secara spontan tetapi yang sebenarnya adalah hasil daripada rancangan-rancangan yang telah diatur dengan tersusun dan telah bergerak secara terselaras menyeluruh dan secara beroperasi. Beratus buah motosikal telah digunakan dalam satu-satu kawasan pilihanraya untuk mengekori dan menghalang gerakan parti lawan khususnya di waktu malam. Perbuatan ini bukan sahaja merupakan perbuatan menghalang tetapi menggugut dan mengancam keselamatan pekerja-pekerja dan penyokong-penyokong sebuah parti lain dan terang-terang mencabar bukan sahaja peraturan dan tata tertib pilihanraya tetapi juga undang-undang dan ketenteraman awam terutamanya di saat-saat paling genting dan sensitif dan paling kemuncak dalam sistem demokrasi negara ini. Perkelahian dan perbalahan akibat perbuatan-perbuatan provokasi ini telah banyak tercetus dan akibat yang lebih buruk hanya telah dapat dielakkan berkat kesabaran pekerja-pekerja dan penyokong-penyokong parti yang memerintah.

Yang membimbangkan saya ialah kesabaran tentulah ada hadnya dan mungkin tidak dapat dikawal selamalamanya. Yang lebih mengancam lagi

ialah kejadian-kejadian di mana setengah-setengah calon-calon bukan sahaja telah diekori tetapi sebenarnya telah dikepong dan diancam oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab ini yang menggelarkan diri mereka dengan berbagai gelaran misalnya pengawal-pengawal revolusi, pejuang-pejuang jihad yang kononnya bersedia mati syahid sebagaimana jelas dengan slogan-slogan dan poster-poster kempen yang digunakan oleh mereka. Mereka bukan sahaja telah tidak menunjukkan sikap menghormati peraturan dan undang-undang tetapi sebenarnya telah mengambil alih undang-undang negara dan berleluasa dengan undang-undang yang dibuat oleh mereka sendiri.

Di dalam pilihanraya umum yang lalu beberapa calon Dewan Undangan Negeri Terengganu telah dikejar dan dikepong oleh segolongan berpuluh-puluh orang yang bermotosikal. Berapa orang Wakil Rakyat dan Calon parti yang memerintah dalam pilihanraya kecil Binjai juga telah menerima nasib yang sama dan bukan menjadi satu rahsia lagi malah telah diketahui umum.

Tuan Pengerusi, tindakan-tindakan, perbuatan-perbuatan dan ancaman-ancaman yang saya sebutkan itu jelas menggambarkan bagaimana proses demokrasi yang murni dan luhur di negara ini telah dicabul oleh pihak-pihak ekstrimis dan tidak demokratik ini. Apa yang lebih membimbang dan menggerunkan saya ialah hakikat terdapatnya persiapan-persiapan senjata merbahaya oleh setengah-setengah golongan ini bagi menghadapi sebarang kemungkinan dan bila diperlukan. Ini terbukti dengan penahanan dan rampasan polis ke atas sebilangan senjata-senjata tajam dan merbahaya dan tuan-tuan punyanya ketika hendak pergi ke pusat membilang undi di Dungun dalam pilihanraya umum yang lalu.

Sama ada senjata-senjata juga ada dibawa semasa kempen pilihanraya atau sebaliknya adalah merupakan satu tandatanya yang mudah sahaja diteka.

Tuan Pengerusi, sebagai sebuah negara yang mengamalkan demokrasi, rakyat di negara ini telah memutuskan untuk memilih Kerajaan yang memerintah melalui proses pilihanraya. Proses demokrasi untuk membolehkan rakyat memilih Kerajaan melalui pilihanraya ini dijamin oleh lagi Perlembagaan iaitu undang-undang paling tinggi dan paling "supreme" di negara ini. Sistem demokrasi pada pandangan saya, bererti kebebasan rakyat memilih pemerintah melalui proses undang-undang yang ditetapkan dan dijamin oleh Perlembagaan. Kebebasan ini dengan itu bererti rakyat hendaklah dijamin untuk menunaikan hak dan tanggungjawab mereka dalam suasana aman, tenteram tanpa ugutan dan ancaman tanpa ketakutan. Rukunegara juga menetapkan prinsip keluhuran Perlembagaan dan kedaulatan undang-undang sebagai teras mendokong demokrasi yang kita amalkan dan utamakan untuk menjunjung kemurniaan Perlembagaan dan menegakkan undang-undang. Pilihanraya, Tuan Pengerusi, ada kemuncak atau "climax", kepada demokrasi dan pemerintah secara demokrasi itu sendiri dan kerana itu hendaklah dilindungi oleh undang-undang secukup-cukupnya.

Sebarang perbuatan, tindakan dan amalan yang boleh menjejaskan dan mengancam proses pilihanraya kerana itu hendaklah dipandang berat dan dianggap mencemar, mencabuli dan menentang bukan sahaja proses demokrasi ini dan Perlembagaan negara tetapi juga yang terutamanya, yang paling penting hak-hak rakyat untuk menikmati suasana pilihanraya yang bebas, aman, tenteram dan terkawal. Demokrasi yang kita

amalkan di negara ini, Tuan Pengerusi, hendaklah berhak mendapat perlindungan undang-undang secukup-cukupnya dan ini saya tekankan kerana pada pandangan saya, Tuan Pengerusi, di pinggir demokrasi terletak anarchy dan revolusi. Demokrasi boleh runtuh musnah bilamana benteng pertahanan iaitu undang-undang telah dicabuli dan ditumbangkan lalu memberi jalan kepada anarchy dan revolusi, suatu alternatif pemerintahan yang telah kita tolak selama ini dan sangat tidak dikehendaki oleh rakyat.

Memerhati perkembangan-perkembangan terbaharu di dalam perjalanan pilihanraya umum dan pilihanraya kecil kebelakangan ini terutamanya di Terengganu yang saya lebih tahu, Tuan Pengerusi, saya tidak dapat mengelakkan diri dari berpendapat bahawa proses demokrasi dan pilihanraya di negara ini sedang berada di ambang anarchy. Terlalu banyak bukti-bukti yang menunjukkan bagaimana setengah-setengah pihak telah bertegang menggunakan proses demokrasi untuk mencapai matlamat revolusi mereka, dan walaupun tidak, bagaimana anarchy telah digunakan untuk mencapai tujuan demokrasi. Walau apapun interpretasi dan maksudnya, saya suka hendak mengatakan bahawa satu perkara yang jelas di sini ialah bahawa pilihanraya di negara ini sejak kebelakangan ini tidaklah lagi sebagaimana di masa-masa yang lalu dan merupakan satu kehilangan yang sangat-sangat kita kesali.

Menghadapi pilihanraya-pilihanraya sekarang terutamanya di kawasan-kawasan tertentu, ketegangan, ancaman dan ketakutan telah menguasai dan menyelubungi perasaan rakyat kita. Persoalannya ialah, Tuan Pengerusi, adakah keadaan ini akan dibiarkan berterusan dan yang lebih penting dan lebih membimbangkan lagi, adakah ia akan

dibenarkan menjadi lebih buruk di masa-masa yang akan datang, dan rakyat dibiarkan menghadapi pilihanraya dalam keadaan penuh ketakutan dan terdedah kepada berbagai ancaman. Jika inilah yang akan berlaku, kita perlulah bertanya, apakah sebenarnya erti dan perlunya demokrasi dan di manakah sempadannya demokrasi dengan anarchy. Jika demokrasi adalah sama maksudnya dengan anarchy, mengapa pula kita telah memilih demokrasi dan tidak anarchy itu sendiri atau apakah kita hendak memilih kedua-duanya sekali, Tuan Pengerusi, sebagaimana terdapat dan berlaku di beberapa buah negara yang tidak jauh letaknya daripada kita.

Tuan Pengerusi, inilah persoalan yang patut disedari dan difikirkan serta diberi perhatian berat oleh Kerajaan sebagai pelindung Perlembagaan, demokrasi, undang-undang negara dan juga rakyat. Kerajaan sahajalah yang akan bertanggungjawab di atas kegagalan di dalam perkara ini sekiranya pilihanraya-pilihanraya kita akan menjadi huru-hara. Pengalaman pun telah mengajar kita, Tuan Pengerusi, Suruhanjaya Pilihanraya pun telah lebih maklum akan masalah yang saya bangkitkan ini dan hendaklah memandangnya dengan penuh kebimbangan dan yang lebih penting lagi memastikan bahawa pilihanraya-pilihanraya dan pilihanraya-pilihanraya kecil dapat dijalankan dalam keadaan aman tenteram.

Saya bersyukur dan sesungguhnya bersyukur, Tuan Pengerusi, kerana telah dapat membangkitkan perkara ini dalam Dewan yang mulia ini bukan sebagai suatu perkara yang dipolitikkan tetapi sebagai satu perkara yang ada hubungannya dengan Dewan ini. Sebagai memenuhi permintaan dan menyuarakan kebimbangan pengundi-pengundi di

kawasan saya, jalan penyelesaiannya pada pandangan saya, Tuan Pengerusi, ada di tangan pihak berkuasa yang berkenaan.

Yang keduanya, Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh peruntukan di bawah Kepala P. 7, Butiran (16) di bawah Jabatan Perdana Menteri iaitu berhubung dengan kegiatan Lembaga Urusan dan Tabung Haji pada muka surat 74.

Kita semua maklum bahawa Lembaga Urusan dan Tabung Haji telah beberapa tahun yang lalu menyediakan kemudahan-kemudahan bagi Jemaah Haji dari negara ini. Banyak di antara Jemaah-jemaah Haji yang balik senantiasa menyuarakan rasa tidak puas hati terhadap usaha-usaha yang dijalankan oleh Tabung Haji waktu menunaikan fardu Haji dan yang menghairankan ialah setelah Lembaga Urusan Tabung Haji itu sendiri telah banyak memberikan khidmat-khidmat kepada Jemaah-jemaah Haji kita.

Mengikut beberapa Jemaah Haji yang balik, masalah-masalah dan kelemahan-kelemahan Lembaga Urusan dan Tabung Haji adalah meliputi kekurangan-kekurangan terutamanya dari segi kakitangan, kemudahan-kemudahan yang dapat disediakan; misalnya daripada segi rawatan kepada pesakit-pesakit dan mengendalikan kerja-kerja lain seperti mencari orang-orang yang hilang dan sakit.

Menyentuh perkara ini, saya suka mencadangkan kepada Jabatan Perdana Menteri supaya Pejabat Tabung Haji di Mekah, di Mina dan di Madinah dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan terutama klinik-klinik di mana dapat dibekalkan dengan berbagai-bagai ubat dan alat-alat untuk mengubati pesakit-pesakit yang tidak dijangka serius tetapi

memerlukan perubahan yang serius dan membanyakkan lagi bilangan doktor, misalnya bagi setiap 1000 orang Jemaah patutlah sekurang-kurangnya ada seorang doktor yang boleh memberikan perhatian kerana setiap tahun Jemaah Haji kita semakin bertambah. Misalnya pada tahun ini saya difahamkan sejumlah 24,000 orang Jemaah Haji dan doktor yang ada hanya 8 orang sahaja. Saya juga difahamkan bahawa kakitangan Lembaga Urusan dan Tabung Haji waktu berada di Tanah Suci bekerja begitu kuat sekali. Boleh dikatakan ada setengah-setengah pegawai tidak tidur sampai malam kerana melayani Jemaah-jemaah Haji.

Saya suka mencadangkan kepada Kerajaan supaya mengadakan satu Pasukan Petugas tambahan daripada Persatuan-persatuan Islam di negara ini untuk menolong, misalnya soal kebajikan Jemaah Haji yang mengharapkan bukan kemewahan tetapi sekadar keselesaan waktu mereka berada di bawah jagaan syeikh-syeikh di Mekah terutama sekali di Mina. Pasukan Petugas Khas ini hendaklah terdiri dari mereka yang betul-betul menginsafi tugas dan tanggungjawab Kerajaan untuk menjaga nama baik Kerajaan di luar negeri dan dengan itu bekerja bersungguh-sungguh membantu Tabung Haji melaksanakan tanggungjawab mereka dengan sempurna.

Saya berharap Kerajaan akan bertindak kepada syeikh-syeikh Haji melalui agen-agensya yang telah menggula-gulakan bakal Haji untuk mengambil syeikh-syeikh tersebut dan yang mendakwa bahawa syeikh-syeikh mereka itu baik, rumahnya dekat dengan masjid dan sebagainya tetapi apabila sampai ke Mekah mereka tidak mendapat layanan seperti yang didakwa dan dijanjikan oleh agen-agen mereka di sini.

Tuan Pengerusi, saya juga mendapati baru-baru ini Kementerian Penerangan telahpun dapat mengadakan satu program khas untuk Jemaah Haji yang menerangkan berhubung dengan persiapan-persiapan dan persediaan-persediaan Jemaah-jemaah Haji. Saya suka mengesyorkan kepada Kementerian ini supaya mulai dari sekarang persediaan mengadakan satu program khas untuk bakal Haji. Satu, dari segi persediaan dan satu lagi dari segi ibadah untuk menolong Tabung Haji yang mengadakan kursus-kursus ibadah dengan lebih cekap, lebih berkesan. TV dan radio saya fikir patutlah memainkan peranan penting untuk membantu bakal-bakal Haji memahami benar-benar perkara-perkara yang wajib, yang perlu dilakukan dan perkara-perkara yang tidak wajib, yang tidak perlu dilakukan waktu melakukan ibadah ini oleh kerana banyak perkara-perkara ini sebenarnya mendatangkan kesulitan dan masalah kepada Jemaah-jemaah Haji sendiri.

Sekianlah sahaja, Tuan Pengerusi, saya mohon izin menyokong.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi.

4.50 ptg.

Tuan Chan Kok Kit (Sungai Besi): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh B. 4, Butiran Kod 1100—Gaji dan Upahan, Aktiviti 1—Pentadbiran Am.

Tuan Pengerusi, Suruhanjaya Pilihanraya dijangka tidak lama lagi menyusun semula sempadan kawasan-kawasan pilihanraya.

Tuan Pengerusi, pada masa sekarang, terdapat ketidakseimbangan yang ketara di antara kerusi-kerusi Parlimen dalam bandar dan luar bandar. Salah satu prinsip cardinal dalam sebuah demokrasi ialah seorang

adalah berhak kepada suatu undi tetapi di Malaysia, kita mempunyai suatu situasi yang membolehkan seseorang mempunyai satu undi yang adalah juga sama dengan undi enam atau tujuh orang lain. Ketidakseimbangan ini harus diperbetulkan kerana ia nyata adalah tidak adil sama sekali dan bercanggah dengan prinsip demokrasi dan sistem "Satu orang, Satu undi".

Perlembagaan tahun 1957 telah memperuntukkan bahawa dalam menyusun semula kawasan-kawasan pilihanraya, tidak adanya perbezaan lebih 15% dalam jumlah pengundi-pengundi di antara suatu kawasan pilihanraya dengan yang lain. Dalam tahun 1962 pula, perbezaan 15% itu telah digantikan dengan perkataan "separuh"—atau 50%. Dan peruntukan ini pula telah dimansuhkan apabila Perlembagaan kita dipinda dalam tahun 1973 sehingga perbezaan di antara kawasan-kawasan pilihanraya dalam bandar dan luar bandar adalah begitu ketara.

Kerajaan bercakap begitu banyak tentang ketidakseimbangan-ketidakseimbangan tetapi ia menyenyapkan diri dalam perkara ini. Ia sengaja mahukan penduduk-penduduk bandar mengalami "underrepresentation".

Saya memang mengakui bahawa harus diberi sedikit weightage kepada kawasan-kawasan luar bandar memandangkan kepada masalah perhubungan dan lain-lain masalah yang wujud. Tetapi ini tidaklah bermakna kita boleh membiarkan suatu keadaan wujud di mana perbezaan di antara kawasan-kawasan bandar dan luar bandar adalah begitu ketara dan dahsyat.

Saya mengesyorkan kepada Suruhanjaya Pilihanraya agar ia bersikap lebih adil dalam urusan

menyusun semula kawasan-kawasan pilihanraya dan janganlah mengulangi apa yang dilakukannya dalam tahun 1974 ketika ia menyusun semula kawasan-kawasan pilihanraya yang boleh dikatakan paling tidak adil sama sekali. Suruhanjaya Pilihanraya hendaklah bersifat adil dalam menambah dan menyusun semula kawasan-kawasan pilihanraya supaya kewibawaan dan imejnya sebagai sebuah badan yang bebas dan berkecuali tidak terjejas. Orang ramai dan kami dalam DAP akan memerhatikan Suruhanjaya Pilihanraya dalam kerja-kerjanya dengan memberi penuh perhatian dan minat kepadanya agar memastikan Suruhanjaya Pilihanraya menjalankan tugasnya dengan penuh adil dan saksama dan tiak tertakluk kepada tekanan-tekanan politik dari Parti Pemerintah. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Baling.

4.56 ptg.

Tuan Haji Seroji bin Haji Haron (Baling): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Pengerusi, terlebih dahulu, saya mengucapkan terima kasih di atas kesudian Yang Berhormat Tuan Pengerusi yang telah membenarkan saya mengambil bahagian bersama di dalam perbahasan anggaran belanjawan negara bagi tahun 1984 di peringkat Jawatankuasa yang mana pada keseluruhannya anggaran ini khasnya maksud Bekalan B. 7 ini adalah sangat wajar dan bertimbang rasa bagi semua rakyat jelata di negara ini. Bagi yang ada memberi dan bagi yang kurang bernasib baik menerima. Ini adalah satu belanjawan kita patut sanjung tinggi dan dihormati bersama oleh semua pihak.

Seperti termaklum adalah negara ini hasil dari pengkajian dan penyelidikan yang ikhlas dari Menteri-menteri dan

Pegawai-pegawai yang kita kasihi yang penuh bertanggungjawab bagi menjaga keadaan kewangan negara dan juga belanjawan negara kita dapat dikawal dan dijaga supaya tidak berlaku sesuatu yang tidak dikehendaki dan menjamin prestasi kemajuan Kementerian-kementerian berjalan dengan baik. Terhadap Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri yang kita kasihi yang telah meneliti dan mengikuti tiap-tiap perkembangan dan perjalanan tiap-tiap kementerian di atas hal-hal belanjawan dengan memotong yang kurang perlu dan mempertahankan peruntukan yang perlu dan penting untuk kebaikan dan keselamatan rakyat jelata.

Kepada Menteri Kewangan, saya juga mengucapkan terima kasih di atas kejayaan beliau membentangkan Anggaran Belanjawan yang sangat berpatutan juga memberi hujjah-hujjah yang terang dan nyata tetapi hanya kepada mereka yang selalu tidak mengenang jasa sahaja yang selalu mempertikaikan, membuat bermacam-macam helah bagi kepentingan diri dan parti mereka sendiri.

Tuan Pengerusi, saya akan berbahas dalam Maksud Bekalan B. 7 muka surat 56, Program 9 - Unit Tenaga Kuasa Nuklear dan muka surat 64, Butiran 2400, Program 9 (b)—Penyelidikan dan Bekalan Pusat Penyelidikan Atom Tun Ismail (PUSPATI).

Terlebih dahulu, Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan terima kasih di atas kesedaran Kerajaan bahawa pusat ini telah diambil alih oleh Jabatan Perdana Menteri daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Ini menunjukkan bahawa pusat ini sangat perlu dan penting. Oleh itu dengan peruntukan

yang telah diberi, pada hemat saya, tidak mencukupi untuk membeli alat-alat kelengkapan makmal, penyelidikan untuk memesatkan lagi kegiatan penyelidikan nuklear mudah-mudahan hasil dari penyelidikan tersebut dapat membantu institusi perubatan, pertanian, industri dan universiti dalam penggunaan teknik baru nuklear di negara kita khasnya dan di negara lain amnya dari masa ke semasa. Oleh itu saya berharap supaya pusat ini sentiasa mendapat perhatian dan diberi peruntukan tambahan dari masa ke semasa.

Tuan Pengerusi, Perkara B. 7, muka surat 73, Butiran 4100, Program (10), Lembaga Urusan dan Tabung Haji.

Menerusi Dewan yang mulia lagi bahagia ini, saya mengucapkan terima kasih kepada Lembaga ini yang telah dapat meningkatkan kemajuan dengan mempunyai pegawai-pegawai dan kakitangan yang penuh bertanggungjawab bagi memajukan urusan Jemaah Haji yang mana dapat meningkat dari masa ke semasa.

Alhamdulillah, dalam masa 2 tahun ini dapat memberi perkhidmatan kepada lebih kurang 50,000 orang Jemaah Haji dengan penuh kejayaan walaupun ada sedikit sebanyak kekurangan. Dan diharapkan supaya pihak Kerajaan akan memberi penuh layanan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Lembaga ini dan sentiasa diawasi supaya tidak berlaku sesuatu yang tidak diinginkan kerana ini adalah berkait terus dengan kemajuan agama Islam dan ekonomi umat Islam seterusnya.

Tuan Pengerusi, saya mengesyorkan kepada Lembaga Urusan dan Tabung Haji supaya dapat mengkaji semula dan membuat perkhidmatan semula iaitu dengan menunaikan fardhu haji dengan menggunakan kapal laut selain daripada penerbangan yang ada sekarang ini supaya memberi peluang

lebih kepada umat Islam yang hendak menunaikan haji dengan tambang yang rendah, di samping itu, dapat pula jemaah haji yang ingin beribadat lama di tanah suci yang mana beramal ibadat di tanah suci Mekah dan Madinah itu adalah mendapat lipatan ganda pahala yang berlebihan dari tempat-tempat lain. Dengan ini juga akan meringankan beban inflasi. Dengan pemergian dengan kapal layar dapatlah jemaah haji membawa sedikit sebanyak bekalan yang perlu untuk kegunaan mereka berada di tanah suci.

Tuan Pengerusi, saya mengesyorkan kepada Lembaga ini mengadakan rekod-rekod bagi Pegawai-pegawai Tabung Haji ini yang berkhidmat dengan cemerlang, selain daripada dapat dinaikkan pangkat, dapat pula peluang mereka menunaikan fardhu haji dengan percuma di bawah badan ini. Antara lain pula, kalau boleh diharap supaya kakitangan Tabung Haji hendaklah diwajibkan menyimpan wang mereka di Tabung Haji kalau sekiranya belum lagi berbuat demikian kerana ini adalah sebagai contoh dan mendekatkan diri mereka dengan keazaman untuk menunaikan haji supaya lebih cinta dan sayang dengan tugas mereka berkhidmat.

Tuan Pengerusi, saya berharap Tabung Haji dapat juga membuat pelaburan dengan membina bangunan-bangunan kedai dan perumahan di pekan-pekan baru dicadangkan oleh Kerajaan kerana rancangan kampung baru ini terdiri di kawasan luar bandar kerana ahli-ahli Tabung Haji banyak dari penduduk-penduduk di luar bandar. Saya menyokong penuh di atas sikap tegas Kerajaan yang mana tidak akan membenarkan lagi mereka yang menunaikan haji selain daripada menerusi Lembaga Urusan dan Tabung Haji pada masa akan datang.

Tuan Pengerusi, saya juga suka menarik perhatian dalam Butiran 1100, muka surat 55, Program Hal Ehwal Wanita supaya hal ehwal wanita ini dapat diperkemas lagi dengan diberi peruntukan. Dan juga dalam muka surat 67, lain-lain program dalam badan ini yang mana tugas telah diberi kepada seorang Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Saya ingin tahu sejauh mana tugas yang telah dilaksanakan oleh badan ini sejak badan ini ditubuhkan kerana saya percaya badan ini adalah amat penting dan mustahak kerana wanita adalah tiang negara dan syurga di bawah tapak kaki ibu. Peranan badan ini diharap dapat diperkembangkan lagi ke negeri dan ke daerah-daerah.

Menerusi Dewan yang mulia ini diharap peruntukan dapat diberi dari satu masa ke satu masa kepada badan ini dapat menjalankan tugas dengan sepenuhnya supaya wanita dapat menjaga keluarga rumahtangga yang aman dan damai dan dengan adanya keluarga yang sihat dan damai, masyarakat akan turut menjadi makmur dan juga negara kita akan maju, aman dan damai.

Buat mengakhiri, Tuan Pengerusi, saya menarik perhatian Butiran 1100, Program 2, Unit Perancang Ekonomi. Saya menyeru supaya badan ini dapat membuat penyiataan dan rancangan bagi kemajuan ekonomi rakyat di luar bandar, khususnya di kawasan Kesban. Saya harap badan ini dapat membuat pengkajian terhadap bahan-bahan tempatan yang ada, terutama sekali daerah kawasan saya di Baling, iaitu ada mempunyai dua buah gunung yang mempunyai bahan batu marmar dan juga ada bahan tempatan, kayu, buluh dan tempurung kelapa yang dibuang supaya memberi syor kepada pihak yang berkenaan untuk memajukan perusahaan tersebut. Dengan adanya perusahaan yang serupa ini dapatlah mengawasi penghijrahan belia-belie ke kawasan bandar.

Sekian, saya menyokong anggaran Jabatan Perdana Menteri dan yang bersangkutan dengannya yang sedang dibahaskan pada hari ini. Wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas.

5.05 ptg.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah (Padang Rengas): Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh satu dua perkara berhubung dengan, terutama sekali Maksud Bekalan 7, mukasurat 56, Butiran 1100, Pecahan (5) berhubung dengan Pentadbiran Agama Islam.

Tuan Pengerusi, saya adalah mengalu-alukan hasrat Kerajaan bahawa setiap bakal haji dari Malaysia yang akan menunaikan fardhu haji di masa hadapan dikehendaki mestilah menerusi Lembaga Urusan dan Tabung Haji. Mereka tidak lagi akan dibenar menerusi nama-nama agensi, seperti yang berlaku sekarang ini. Langkah ini amatlah munasabah kerana Kerajaan adalah terpaksa menerima apa-apa risiko dari apa yang berlaku ke atas jemaah haji yang datang dari Malaysia, sama ada menerusi Lembaga Urusan dan Tabung Haji ataupun tidak. Oleh itu, adalah wajar Kerajaan perlu mengadakan kawalan yang rapi ke atas semua jemaah haji. Salah satu caranya yang praktikal ialah mengenakan syarat seperti yang saya sebutkan tadi.

Dengan adanya kawalan yang rapi itu sekurang-kurangnya kita mendapat 3 manfaat:

Pertama sekali, Kerajaan akan dapat mencegah sebarang perbuatan yang boleh menjejaskan hubungan baik di antara negara kita dengan Arab Saudi kerana kita takut sepertimana yang berlaku ke atas 7 orang jemaah haji yang telah ditangkap dan dihantar kembali ke

tanahair kita kerana telah melanggar peraturan-peraturan yang dipersyaratkan oleh Kerajaan Arab Saudi. Semua mereka ini sebagaimana dimaklumkan oleh Kerajaan adalah pergi ke tanah suci menerusi swasta, tidak menerusi Lembaga Urusan dan Tabung Haji. Tetapi pada setengah-setengah masyarakat yang kurang faham, mereka telah menuduh bahawa kurangnya kecekapan Lembaga Urusan dan Tabung Haji ini pada hal pemergian mereka itu adalah di luar bidang kuasa dan urusan Lembaga Urusan dan Tabung Haji sendiri.

Kedua, Kerajaan akan dapat memberikan perkhidmatan yang sepenuh-penuhnya kepada semua bakal haji yang akan pergi menunaikan fardhu haji menerusi Lembaga Urusan dan Tabung Haji.

Ketiga, Kerajaan akan dapat menyekat sebarang penipuan ataupun memberi perlindungan yang wajar kepada setiap bakal haji yang akan pergi menunaikan haji ke tanah suci kerana sering kali kita dengar walaupun bilangannya tidak begitu banyak, tetapi terdapat segolongan kecil mereka yang bakal menunaikan fardhu haji menerusi swasta telah ditipu oleh golongan-golongan yang opportunist dan tidak bertanggungjawab sehingga mereka menanggung beberapa kesengsaraan.

Maka sebab itu saya katakan tadi bahawa langkah dan hasrat Kerajaan itu hendaklah diteruskan supaya dapat memanfaatkan kepada umat Islam di negeri ini.

Saya juga suka menyentuh Maksud P. 7, mukasurat 74, Butiran 16. Di dalam hubungan masalah Lembaga Urusan dan Tabung Haji, saya menyokong apa yang disebut oleh setengah daripada sahabat-sahabat saya, memanglah rakyat di negeri ini terhutang budi kepada Lembaga

Urusan dan Tabung Haji di atas kebijaksanaan Kerajaan merancang Lembaga Urusan dan Tabung Haji ini, kerana kalau kita bandingkan pada masa-masa dahulu apabila masyarakat Islam hendak ke Mekah, mereka sibuk bergadai tanah, dusun dan sebagainya untuk membiayai perbelanjaan ke tanah suci. Tetapi tradisi yang kurang baik ini sudah hapus di dalam masyarakat kita kerana wujudnya Lembaga Urusan dan Tabung Haji.

Walau bagaimanapun, masih banyak lagi perkara yang perlu difikirkan oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji ini. Satu daripadanya berkenaan dengan masalah perjalanan jemaah-jemaah haji, sama ada daripada Jeddah ke Madinah ataupun daripada Mekah ke Madinah. Oleh kerana jarak perjalanan ini begitu jauh, lebih kurang 300-400 batu dan memakan masa 7-8 jam dengan kereta atau bas maka berbagai-bagai kesulitan telah dialami oleh jemaah-jemaah haji. Saya rasa satu jalan keluar yang baik dan mungkin dialu-alukan oleh bakal-bakal haji di masa akan datang kalau boleh pihak Kerajaan cubalah membuat urusan yang tertentu dengan pihak Kerajaan Arab Saudi supaya diadakan pengangkutan kapal terbang daripada Jeddah ke Madinah kerana ada lain-lain negara membawa jemaah-jemaah haji mereka menerusi kapal terbang dengan memakan masa cuma 40 minit sahaja. Kalaulah boleh rakyat atau jemaah haji dari Malaysia ini dibawa atau diangkut dengan kapal terbang daripada Kuala Lumpur ke Jeddah dan daripada Jeddah ke Madinah, maka ini akan menambahkan lagi keselisaan kepada jemaah-jemaah haji bagi masa-masa yang akan datang.

Mungkin akan timbul berbagai masalah teknik. Di antaranya barangkali oleh kerana jenis kapal terbang yang membawa jemaah haji dari Malaysia ini besar, yang boleh

membawa penumpang-penumpang 400-500 orang, mungkin kapal terbang ini tidak boleh meneruskan penerbangannya ke Madinah, barangkali kerana tidak sesuai dengan lapangan terbangnya di sana dan masalah ini bolehlah barangkali dirundingkan dengan pihak Kerajaan Saudi supaya dapat dibawa secara berperingkat-peringkat sebanyak mana yang boleh, umpamanya 200-300 orang sekali bawa. Barangkali dengan kaedah yang seperti ini akan dapat membantu menyelesaikan masalah pengangkutan di sana.

Selain daripada itu mungkin pula akan timbul masalah tambang. Kalau dengan bas daripada Jeddah ke Madinah, kalau bas ekspres 50 rial tetapi kadangkala berlaku berbagai-bagai masalah. Sebagai satu contoh, Tuan Pengerusi, pada tahun sudah saya ke tanah suci, bertolak daripada Madinah ke Jeddah, malangnya sampai di tengah jalan bas itu terbabas. Jadi, penumpang-penumpang dibiarkan di dalam keadaan yang tak tentu arah. Pada masa itu rakyat Malaysia ada 4 orang, dua kelamin, saya dengan kawan saya seorang, Indonesia 22 orang dan lain-lain orang-orang daripada Palestine, Mesir dan sebagainya.

Apabila kami berada di kawasan padang pasir ini sementelah pula saya tidak tahu berbahasa Arab, menjadi amat kesukaran, hanyalah berserah kepada Allah bagaimana hendak membuat hubungan supaya dapat sampai ke Jeddah. Tahan kereta tak berhenti, tahan lagi, tak berhenti, tetapi dengan berkat izin Allah dapatlah kereta. Bila naik kereta ini dia hendak tambang lain. Satu orang 150 rial. Sudah jadi 200 rial. Daripada Mekah baru sampai di situ. Bila naik kereta orang awam ini, sampai di tengah jalan dia berhenti buat ragam. Dia minum teh dan sebagainya tak mahu jalan. Dia pun tengok kereta

dia, tenguk ini, dia kata boleh jalan, tambah lagi 100 rial seorang, jadi 250 rial. Jadi, campur dengan tambang bas, jadi 300 rial. Bila sampai di Jeddah kita minta dihantar ke stesyen bas di Jeddah tetapi tidak dihantar ke tempat yang sepatutnya, diletak di tempat lain. Sampai di situ pukul 9.00 malam. Apabila hendak pergi ke rumah Tabung Haji kita tak dapat hendak buat hubungan.

Bila ditanya orang-orang di Mekah itu, nasib baiklah kawan saya itu tahu bahasa Inggeris, seorang budak Arab dia berpelajaran, dia tahu cakap orang putih. Dia kata, bukan di situ stesyen bas, di tempat lain. Berapa jauhnya dari sini? 30 rial tambang seorang, 30 rial lagi. Bayar lagi 30 rial hendak sampai ke stesyen bas. Saya bercakap ini dari pengalaman, bukan saya seorang sahaja, mungkin banyak lagi jemaah-jemaah haji yang mengalami kesukaran yang seperti ini. Jadi, kalaulah dapat dibawa dengan kapal terbang semua masalah ini beres, selesai. Saya berharaplah supaya perkara ini dapat dirundingkan dan kalau boleh musim haji tahun depan siapa yang pergi ke Mekah dapatlah menaiki kapal terbang daripada Jeddah ke Madinah dan ini akan menambah keselisaan kepada para jemaah haji bagi masa-masa yang akan datang.

Berbalik berkenaan dengan pentadbiran agama Islam di negeri ini, saya sukalah menarik perhatian di atas minat dan usaha Kerajaan bagi menerapkan Islam ke dalam perkhidmatan Kerajaan. Saya berharap walaupun perkara ini mendapat tentangan daripada pihak-pihak yang tertentu, yang jahil, yang tidak begitu faham tentang nilai-nilai Islam tetapi Kerajaan hendaklah meneruskan kerana tidak ada siapa yang dapat menolong kita selain daripada Allah s.w.t. Allah tidak akan menolong seseorang hamba jika kalau ianya sentiasa bertindak, bercakap

dan sebagainya bertentangan dengan keredaan Allah. Jadi, langkah yang diambil oleh Kerajaan, kepimpinan yang ada pada hari ini menerusi pentadbiran agama Islam, ini saya rasa amat munasabah dan sesuai dan hendaklah diteruskan. Akan tetapi apabila bercakap mengenai Islam hendaklah kita sentiasa mengingati bahawa yang dimaksudkan menjunjung titah perintah Allah ini terkandung di dalam maksud serampang dua mata.

Yang saya maksudkan serampang dua mata ini ialah menjunjung titah perintah Allah. Yang dikatakan menjunjung titah Perintah Allah itu mengerjakan yang disuruh, meninggalkan yang ditegah.

Di antara kedua-dua ini tidak boleh dipisah-pisahkan, ibarat isi dengan kuku atau roh dengan jasad. Kalau dipisahkan maka cacatlah ia. Walaupun ada orang mengatakan minyak dengan air itu tidak mengapa dia bercampur tetapi sebenarnya kalau air untuk minum, minyak untuk kegunaan masak, menggoreng dan sebagainya, apabila bercampur dengan air kedua-duanya sudah tidak berguna lagi. Hendak minum pun ada minyak, hendak buat goreng pun ada air, tidak lagi baik. Jadi, dengan sebab itu saya berharap pertama sekali saya tidak nafikan dan rakyat negeri ini tidak menafikan sudah banyak Kerajaan menyeru rakyat supaya berbuat baik menerusi peradaban Islam, umpamanya cekap, bersih dan amanah, disuruh jujur, bertanggungjawab, rajin dan sebagainya dan Kerajaan sendiri pun telah banyak bertindak secara langsung mengikut kehendak-kehendak Islam seperti mengadakan hospital, mengadakan sekolah, mengadakan jalan-jalan, bekalan api. Ini adalah fardu kifayah kepada Kerajaan dan ini telah kita buat. Dengan lahirnya cerdik pandai, Islam

disuruh melahirkan para jurutera, para doktor, ini semua dikehendaki oleh Islam dan ini semua telah dibuat—bagus.

Apa yang kurang ialah perkara-perkara yang ditegah, perkara-perkara yang ditegah oleh Tuhan ini masih kurang lagi. Cuma baru-baru ini kita dengar Kerajaan melarang orang-orang Islam tidak boleh pergi ke Genting Highlands tetapi institusi perjudian itu masih wujud dan masih lagi kedengaran wujudnya rumah-rumah urut sebagai pusat-pusat khalwat dan masih ada lagi tempat-tempat khurafat, pusat pemujaan oleh setengah-setengah orang-orang Islam dalam negara kita dan berbagai-bagai perkara-perkara yang mungkar.

Mungkin ini kita tidak dapat berbuat serentak sekali gus kerana di zaman Rasullullah s.a.w. dan Khalifah dahulu pun tidak mereka buat sekali gus.

Apa yang kita kehendaki ialah Kerajaan sendiri, kalau boleh, janganlah cuba melibatkan diri di dalam kegiatan-kegiatan yang ditegah Allah seperti menganjurkan Loteri Kebajikan Masyarakat, Empat Nombor dan sebagainya. Biarlah perkara ini diserahkan pada peringkat awal ini kepada pihak swasta untuk menjalankannya Kerajaan cuba bersihkan diri daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang seumpama itu.

Perkara yang kedua oleh sebab masalah agama ini merupakan sesuatu yang sensitif, dan perkara ini tertakluk kepada setengah-setengah kuasa di peringkat negeri-negeri tetapi perkara ini tidak menjadi hal, apa yang kita kehendaki pihak-pihak daripada agama Islam di peringkat Pusat sebagai ketua supaya dapat mengadakan satu penyelarasan dengan Jabatan-jabatan Agama di peringkat Negeri supaya tidak

menimbulkan kekeliruan sama ada orang Islam atau bukan Islam. Misalnya, baharu-baharu ini Jabatan Agama Islam di Negeri Melaka telah bertindak meruntuhkan tempat-tempat khurafat, tempat-tempat pemujaan, tempat-tempat keramat yang dipuja oleh umat-umat Islam di Negeri Melaka, 12 pusat-pusat keramat yang dihancurkan. Apabila Melaka melakukan sedangkan di negeri-negeri lain tidak bertindak dan di peringkat Persekutuan pun tidak bertindak, ini akan menimbulkan tanda tanya mengapa di Melaka tidak boleh di sini boleh, inilah satu perkara penyelarasan yang perlu dibuat. Begitu juga dalam gerakan yang agresif yang dilakukan oleh Jabatan Agama di negeri Johor, iaitu membuat serbuan-serbuan mengejut kepada rumah-rumah di mana terdapat . . .

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, ingin saya mendapat penjelasan sedikit, Yang Berhormat bercakap di bawah Kepala Peruntukan berapa?

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Bekalan 7, muka surat 56.

Tuan Pengerusi: Di bawah?

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Pentadbiran Agama Islam.

Tuan Pengerusi: Jadi saya minta duduk sebentar. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri atau Setiausaha Parlimen Kementerian yang berkenaan sama ada perkara ini adalah di bawah bidang tanggungjawab bahagian berkenaan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili): Saya rasa sekiranya Ahli Yang Berhormat hendak menggulungkan sekejap lagi, saya tidak ada apa-apa halangan, dan saya rasa pentadbiran agama Islam itu bolehlah dibangkitkan:

Tuan Pengerusi: Ya, dijemput Yang Berhormat teruskan.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Jadi apa yang kita perlu penyelarasan, supaya bertindak kalau Melaka buat, Perak buat, Selangor buat, Negeri Sembilan serentak kita buat. Tidak usah negeri-negeri ini buat supaya tidak menimbulkan kekeliruan. Jadi kalau tidak boleh di sana, di mana-mana pun tidak boleh di dalam Malaysia ini. Inilah perkara yang harus dapat dirundingkan. Saya rasa perkara yang seperti ini tidak ditentang dan tidak menyalahi dengan kekuasaan agama yang ada di peringkat negeri-negeri itu.

Jadi apabila kita baca suratkhbar kita terdapat sepertimana Kerajaan menjalankan kempen anti dadah, kempen kebersihan, kempen dan berbagai-bagai lagi. Jadi serentak dengan itu segala mass media Kerajaan terutamanya akhbar-akhbar, atau pun swasta, akhbar-akhbar TV, radio dan sebagainya patutlah turut sama berganding bahu dengan Jabatan Agama ini di dalam memerangi keadaan-keadaan yang seperti ini.

Janganlah hendak pihak akhbar memilih tajuk-tajuk yang tertentu yang boleh melariskan jualan akhbar mereka. Umpamanya, macam isu BMF, hari-hari dia keluaran, tulis besar-besar. Kalau ada pembangkang cakap dia sebut. Saya haraplah pihak akhbar akan turut sama kerana itu adalah tanggungjawab bersama, tanggungjawab bersama di dalam membangun negara kita ini untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang mempunyai keperibadian yang tinggi yang boleh menjadi kebanggaan zuriat kita pada masa yang akan datang.

Inilah perkara yang saya harap dapat diberi perhatian yang serious oleh semua pihak, semua lapisan. Jadi kalau kita kempen saya ambil contoh umpamanya hendak membenters

tempat-tempat pemujaan, tempat-tempat keramat, TV pun pergi, bawa fokuskan tempat-tempat yang diruntuh, tunjuk dalam TV, surat khbar pun keluar gambar di sana, di sini berbunyi baharulah gemanya itu datang. Inilah saya harap satu penyelarasan patutlah ada oleh Jabatan ini.

Tuan Pengerusi, saya suka pula menyentuh berubah kepada tajuk yang lain B. 8 muka surat 77, Butiran 1100, Aktiviti (1) dan (8), iaitu Jabatan Perkhidmatan Awam. Tuan Pengerusi, memang tidak dapat dinafikan hingga setakat ini ramai orang mengatakan bahawa Jabatan Perkhidmatan Awam kita ini ialah di antara yang terbaik, kalau pun tidak di dunia kita ini, tetapi di kawasan ASEAN. Saya fikir barangkali ini ada betulnya. Perhatikan kepada kaedah-kaedah pegawai-pegawai kita menjalankan pentadbiran di negara ini. Akan tetapi terdapat segelintir pegawai-pegawai Kerajaan yang saya akan sentuh, walaupun perkara ini segelintir kalau kita ibaratkan kita mempunyai air satu tempayan yang bersih, bagaimana air itu kalau dicampur dengan setitik najis yang kita lihat yang kita nampak, siapakah di antara kita yang sanggup minum, maknanya rosaklah air yang setempayan itu.

Jadi walaupun perkara ini kecil sebab itu pepatah Melayu mengatakan sebab nila setitik rosak susu sebelanga. Jadi ibarat api semasa kecil itulah hendaklah kita kawal, semasa kecil menjadi kawan, kalau sudah besar ia akan membahayakan kita.

Perkara yang saya hendak sebutkan, yang saya kata segelintir pegawai-pegawai Kerajaan kita, pegawai-pegawai Kerajaan yang diberi kuasa melaksanakan dasar-dasar Kerajaan tidak sensitif kepada keperluan masa. Misalnya, di dalam mesyuarat-mesyuarat di peringkat tindakan

negeri atau pun daerah, ada pegawai-pegawai yang tidak ambil tahu, tidak mahu pergi bukan sekali, dua kali, tiga kali tidak pernah datang. Bagaimana kes Jabatannya dapat diselesaikan, sudah tentu tidak. Jadi orang yang datang pada hari itu sia-sia tidak dapat hendak apa-apa keputusan kerana pegawai yang bertanggungjawab tidak datang. Pada hal mereka ini sudah diberi Surat Pekeliling mewajibkan supaya mereka mesti hadir, kalau tidak boleh Ketua Jabatan, Penolong-penolongnya mesti hadir, yang boleh bertanggungjawab. Tetapi kadang-kadang kala ada pegawai-pegawai yang hadir tetapi tidak dapat bertanggungjawab. Apabila kita bertanya satu masalah, dia kata dia pun tidak tahu.

Sebagai contoh, maaf, Tuan Pengerusi, saya kadang-kadang bertindak kasar. Saya pernah mencadangkan kepada Tuan Pengerusi supaya Pegawai ini balik ke pejabat, pergi ambil fail, bawa balik dalam mesyuarat, saya tidak hendak buang masa hadir mesyuarat ini. Pernah pegawai balik ke pejabat, datang semula ke pejabat, untuk membawa kes kerana saya banyak kerja hari ini datang hendak selesaikan perkara ini.

Jadi perkara yang macam ini, saya harap tidak patut lagi berlaku. Saya tidak tahu repot-repot daripada daerah atau negeri selalu datang ke Kementerian di Kuala Lumpur sampai ke sini ke mana perginya, apakah tindakan-tindakan telah dibuat kepada pegawai-pegawai yang tidak mematuhi arahan-arahan daripada surat pekeliling itu?

Inilah yang menghairankan kita kerana mengecewakan harapan dan melemahkan semangat pegawai yang benar-benar berdedikasi, yang bertanggungjawab, yang jujur, yang patuh kepada peraturan. Tetapi disebabkan oleh telatah yang tidak

bertanggungjawab segelintir pegawai-pegawai ini, menyebabkan telah menjejaskan prestasi atau produktiviti pentadbiran kita yang saya katakan bagus tadi.

Perkara yang kedua, kadang-kadang ada pula segolongan kecil pegawai kerajaan tidak sensitif kepada teguran yang membina atau cadangan-cadangan yang baik kerana dia pegawai berkelulusan tinggi, cakap orang kampung, cakap orang yang tidak berijazah tak perlu didengarnya. Sebagai contoh, tidak berapa lama dahulu satu projek untuk membina sebuah kolam di satu kawasan Bagan Ragut di Kampung Temelong. Projek ini adalah kelulusan daripada Yang Berhormat Menteri Pertanian bernilai sebanyak \$35,000. Tujuan projek ini ialah untuk memberikan kemudahan air minuman kepada kerbau dan lembu yang ada di dalam kawasan Bagan Ragut itu. Pada masa projek itu hendak dilaksanakan timbullah perbalahan di antara Ketua Jabatan yang berkenaan dengan Tok Penghulu dan peserta-peserta Bagan. Kata Tok Penghulu dan peserta Bagan: "Tuan, buat di sini". Kata Pegawai: "Tak boleh, buat di sini". Oleh kerana beliau itu pegawai, oleh kerana beliau itu mempunyai kuasa, maka sudah pastilah apa yang dikatakannya itu dikotakan dan dibuat projek itu. Wakil Rakyat menjadi penonton. Apabila projek itu dibuat, apabila air hendak dimasukkan ke dalam kolam dan telah dimasukkan dengan menggunakan pam, tetapi setitik air pun tidak lekat kerana tapak di situ pasir, air serap masuk ke bawah. Pada masa dahulu orang kampung kata di sini tak boleh buat, kerana pasir, tetapi pegawai buat juga. Dipam air, pagi besok kering, pam lagi—kering. Tujuan asal hendak bekalkan air untuk minuman binatang tetapi air tak sampai, apa hendak buat—\$35,000 duit selesai di situ. Tak lama kemudian (sekarang ini) runtuh kolam itu.

Apabila runtuh, dibawa ke dalam mesyuarat Majlis Tindakan Daerah.

Saya bertanya, macam mana empangan ini Tuan? Oh, kita hendak bina balik semula, katanya. Saya kata jangan buatlah, saya bertanggungjawab kepada negara dan rakyat, jangan buat lagi di tempat itu kerana tak ada apa hasilnya, kalau hendak dibaiki yang rosak, hendak buat apa? Apa tujuannya, air tak boleh lekat, hendak buat apa? Habis bagaimana?

Saya kata tinggalkanlah keadaan seperti itu, semata-mata untuk menjadi kenangan sejarah. Sudah jangan buat di tempat itu. Kita catatkan dalam sejarah. Pembangunan Bagan di Temelong, satu projek yang dibuat oleh pegawai yang "intelektual", yang tidak mahu menghormati pandangan dan fikiran rakyat, itu jadinya—\$35,000 tersadai. Oleh sebab itu, pengetahuan semata-mata, ijazah, semata-mata belum mencukupi untuk menjadi seorang pegawai yang berpotensi. Ianya memerlukan pengalaman, ianya memerlukan mendengar fikiran yang terbuka dan pandangan-pandangan daripada orang ramai. Kita fikirkan dan timbang dengan teliti, jangan angkuh dengan pangkat kebesaran dan sebagainya. Hari ini rakyat kata: Tengoklah budak-budak sekarang, pandai sangat, itu yang dia buat. Inilah perkara yang berlaku di dalam masyarakat kita sekarang.

Walaupun perkara ini kecil, kalaulah dibiarkan, saya bimbang saya bimbang keadaan ini akan menular kepada lain-lain jabatan, kepada lain-lain orang dan kalau ini terus berlaku, maka prestasi perkhidmatan Kerajaan, pentadbiran Kerajaan akan menurun.

Banyak lagi contoh yang boleh kita sebut. Ada pula umpamanya satu lagi projek berpuluh ribu ringgit, boleh

ditunjuk di tepi jalan sahaja—kawasan itu dahulu rakyat buat bendang tetapi dengan adanya projek parit, sampai sekarang tanah itu menjadi padang jarak padang terkukur. Setitik airpun tak sampai di situ. Orang-orang kampung menasihatkan jangan buat parit macam itu, tetapi dibuat juga, baguslah. Jadi buat parit, airpun tak ada, duit keluar \$50-\$60 ribu. Jadi inilah perkara-perkara di dalam perancangan kita, duit hanya habis tetapi tak sampai kepada sasaran, hasilnya tak sampai kepada petani-petani yang kita hendak tujukan, macam projek tadi, \$35,000 tak sampai kepada kerbau-lembu, tak sampai hanya mati di situ sahaja.

Itulah perkara yang patut kita mesti berfikir, apa yang rakyat kehendaki, apa yang kita kehendaki bahawa setiap satu sen wang yang kita belanjakan itu hendaklah menepati sasarannya iaitu memberi faedah kepada rakyat, kepada negara dan barulah ada pahala pegawai yang buat projek itu, kalau tidak, bala disumpah oleh rakyat. Ada pahala selagi projek itu berjalan, seperti dapat pencen, kalau matipun ada pahala. Kalau buat macam ini, bala jadinya kerana tidak amanah.

Tuan Pengerusi, kedua-dua perkara yang kecil tadi, saya katakan kecil, dari segelintir pegawai itu hendaklah perkara ini diberikan perhatian terutamanya pada masa pegawai-pegawai muda yang dibawa berkursus ke pusat latihan (INTAN) hendaklah diberikan pendedahan yang cukup kerana kita takut anak-anak muda kita yang kurang pengalaman, yang mempunyai ijazah yang tinggi cuba hendak menutup kelemahannya dia berlagak, dia tak tahu, dia kata dia tahu, ini jahanam—jahanam. Lebih-lebih lagi pula dengan sistem pentadbiran kita sekarang ini membayar gaji berasaskan ijazah (Hons.). Jadi pegawai-pegawai tua yang lama duduk di bawah berkata dia

buatlah, dia bergaji besar. Mereka ini ada pengalaman tetapi tak tolong beri. Semangat gotong-royong, kerjasama dan hormat menghormati itu patut sentiasa wujud. Gunakanlah sebagaimana konsep yang dibuat oleh pihak swasta di negeri Jepun dalam sistem mengendalikannya sesuatu projek.

Sifat hormat menghormati antara Ketua Jabatan dan pegawai-pegawai di bawahnya hendaklah sentiasa wujud supaya dapat menimbulkan satu semangat "kekitaan" di dalam jiwa pegawai-pegawai kita. Jangan ada macam pegawai yang saya kata tadi, itu tanya boss dulu, itu saya tak tahu, itu boss punya fasal, saya tak tahu Kipas sahaja dia. Pada hal dalam satu jabatan, bolehkah pegawai bercakap begitu kerana dia di bawah, semua hendak dilonggokkan kepada Ketua Jabatan? Itu tak betul. Jadi kita mahulah tanamkan semangat "kekitaan" ke dalam jiwa pegawai-pegawai kita supaya setiap apa yang berlaku, semua mesti bertanggungjawab seperti Kabinet ataupun EXCO di peringkat Negeri.

Jadi, apa Perdana Menteri buat, menteri lain mesti tanggung, sama sahaja. Inilah yang kita harap. Sekarang ini memang kita sungguh-sungguh bangga ada pegawai-pegawai yang demikian, jabatan-jabatan yang demikian, bukan tidak ada. Yang saya sebut ini yang sedikit-sedikit, yang kecil-kecil.

Satu lagi, berkenaan dengan pembahagian kuasa dan beban kerja kepada pengarah-pengarah atau ketua jabatan yang terlalu banyak, beraneka jawatankuasa dan juga kadang-kadang menjadi pengerusi dan ini juga saya fikir boleh menjejaskan produktiviti kepimpinan sebuah jabatan itu. Umpamanya kalau di peringkat daerah, kalau Tuan D.O. itu dibebankan macam-macam komiti sampai kawan itu hendak tidur pun

tidak senang macam mana manusia, dia hendak berfikir, hendak menimbang sesuatu perkara dengan teliti, tengah hendak timbang sana pergi mesyuarat.

Saya rasa ini pun patutlah supaya kita memberi masa. Dengan adanya masa itu dapatlah pegawai-pegawai kita itu mentela'ah satu-satu masalah meneliti dan menilai satu-satu isu supaya hasil keputusan yang tidak konkrit dan tidak bernilai tidak akan wujud. Kalau mereka dapat diberi masa, berfikir, masa yang cukup, saya yakin dan percaya mereka ini boleh dikatakan hampir 100% memang pilihan yang betul Pegawai-pegawai Daerah ini semuanya orang-orang yang berdedikasi. Tetapi apa yang hendak didedikasi lagilah, pagi sampai petang, sampai malam, sampai tiga, empat kali dia mesyuarat. Kita tengok dia pun naik kasihan. Hendak talipon bertanya dia pun, dia sudah teruk. Jadi patutlah kita timbang-rasa. Nampaknya bila duduk di daerah, cukup terus. Bermacam-macam, tidak tahu berapa puluhkah, bukan belas, puluh. Buat Maulud Quran, tambah hari jadi Raja lagi. Anak Raja hendak kahwin, kalau duduk di daerah majlis Raja-raja, macam-macam (*Ketawa*). Sampai D.O. tidak ada masa hendak makan pun. Hai, kalau macam ini, saya rasa tidak tahulah, ini terpulanglah kepada pegawai-pegawai di jabatan pentadbiran di peringkat Pusat ini, tolonglah renungkan ke bawah sama supaya dapat menjamin pentadbiran di peringkat daerah jadilah sebenarnya akar-umbi.

Yang menjadi bising, jadi riuh ini, daerahlah. Kalau dia tidak dapat api, tidak ada titi, tidak ada air bersih, menjerit, dia menjerit, dia riuh. Dia riuh pergi rumah Wakil Rakyat. Wakil Rakyat mari sini dia bukalah. Inilah jadi riuh. Dia berpunca daripada daerah. Sebab itulah sasaran kita dalam pembangunan Dasar Ekonomi Baru ialah di kawasan-kawasan

pendalaman dan seringkali kita bercakap dalam membahas dasar belanjawan dahulu pun saya sudah cakap jangan sampai saya kata, janganlah rakyat terpaksa membayar dengan harga yang mahal iaitu nyawa kerana hendak mendapat satu projek. Sampai rakyat sudah mati kerana minum air kotor baru kita hendak buat projek bekalan air. Maknanya dia terpaksa membayar dengan nyawa untuk mendapat bekalan air. Dan ada pula yang membayar nyawa untuk mendapat bekalan air. Dan ada pula yang membayar nyawa untuk dapat jalan yang sempurna. Ada yang terpaksa bayar dengan nyawa untuk dapat titi yang baik. Titi tinggi 50, 60 kaki daripada paras muka air boleh jatuh "kerdum!" kawan itu lemas, selesai habis, cerita kepada D.O. sudah mati. 'Sudah mati', tidak mengapa kita buat tidak lama lagi (*Ketawa*). Sudah mati baru kita hendak buat. Tidak mengapalah kita boleh jumpa M.B. beritahu atas, kita minta dia. Sudah mati! Inilah rakyat selalu berkorban untuk mendapatkan satu projek.

Saya rasa masanya sudah tiba janganlah sampai begitu sekali kita membiarkan keadaan rakyat membayar dengan harga yang terlalu mahal untuk mendapatkan projek kerana mereka telah banyak memberi sumbangan ke arah keamanan, perdamaian. Buktinya senang walaupun komunis telah bergerak sejak tahun 1948 tetapi daripada rekod-rekod yang kita dapat kita tidak dengar orang kampung sudah masuk. Bulan depan kampung yang pendalaman itu sudah masuk, tidak ada. Sebaliknya dia bekerjasama dengan Kerajaan. Maknanya mereka mempunyai penuh taat-setia kepada Kerajaan dan negara. Maka orang yang seperti ini hendaklah janganlah mereka dianggap lemah dan selalu dijadikan mangsa daripada pembangunan kita.

Jadi setakat itu sahajalah, Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih. Wabillahi-taufik Walhidayah Wassalamualaikum w.k.t..

5.45 ptg.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria (Bagan Datok): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mengambil bahagian di dalam membahaskan bekalan B. 7 ini, Butiran 1100, muka surat 55.

Pertamanya, saya ingin menyentuh berkenaan dengan Kabinet, di mana Kabinet merupakan suatu kuasa yang tertinggi sekali di dalam pentadbiran kita di dalam Jabatan Perdana Menteri. Saya berharap sangat di atas tugas-tugas yang telah mereka jalankan dengan begitu baik supaya benar-benar berganding-bahu dengan Ketua Setiausaha Negara dan ketua-ketua di tiap-tiap Kementerian dengan tujuan bagi memastikan atau mengenalpasti semua kewangan yang diperuntukkan kepada Kabinet masing-masing dapat digunakan dengan sebetul-betul atau dengan sebaik-baiknya. Ini ditambah dengan peruntukan yang kita berikan Bahagian "C", Butiran 1100 itu dengan mengadakan Lembaga Penasihat. Saya berharap kepada Lembaga Penasihat ini dapat benar-benar memainkan peranan di dalam menasihatkan perjalanan Kementerian-kementerian dan juga perjalanan sama ada badan Kerajaan dan agensi Kerajaan dan sebagainya supaya badan-badan berkanun dan juga perjalanan jentera Kerajaan kita tidak berlaku sesuatu yang pernah kita alami dan kita ketahui.

Saya rasa dengan kedua-duanya memainkan peranan yang begitu baik sekali diharapkan perkara-perkara yang telah berlaku di masa yang telah tidak akan berlaku lagi di masa yang akan datang. Sesungguhnya sepertimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Padang Rengas

tadi, Tuan Pengerusi, Kerajaan kita adalah merupakan suatu Kerajaan yang begitu baik sekali yang begitu banyak memperuntukkan kewangan bagi pembangunan negara untuk kepentingan rakyat. Tetapi apa yang penting sekarang ini Tuan Pengerusi untuk menjalankan rancangan-rancangan itu berjaya dengan begitu baik beberapa tahun 1984, terpulung kepada cara pelaksanaan yang akan dilaksanakan oleh bagi pihak sama ada di Kerajaan Pusat atau di Kerajaan Negeri, ataupun di peringkat daerah ataupun pada badan-badan berkanun itu sendiri.

Walau sebanyak mana wang yang kita peruntukan kepada pembangunan dan kita tugaskan kepada mereka yang berkuasa itu menjalankan tugas apabila tidak ada kerjasama di antara satu dengan lain maka sia-sia sahajalah peruntukan wang yang begitu banyak tidak akan sampai kepada matlamat yang kita hajati dan kita kehendaki.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh dalam perkara ini di Butiran 1100, muka surat 55, iaitu berkenaan dengan Unit Penyelarasan Pelaksanaan. Di situ termasuk Bahagian B, Penyelaras, Khidmat Kontraktor-kontraktor Bumiputera dan termasuk juga di dalam pelaksanaan iaitu muka surat 74 bahagian P. 7 Pembangunan Masyarakat termasuk projek-projek kecil yang dilaksanakan terutama sekali di luar-luar bandar.

Apa yang saya dapati berlaku memang Jabatan Perdana Menteri telah memperuntukkan wang yang begitu banyak yang beratus-ratus juta ringgit untuk pembangunan bagi membangunkan segala pembangunan asas bagi kepentingan rakyat di luar bandar dan penyertaan ini akan disertai oleh kontraktor-kontraktor

bumiputera untuk projek-projek kecil dan sebagainya tetapi yang malangnya ialah cara pelaksanaan projek-projek itu dilaksanakan.

Sebagai contoh saya ambil satu contoh untuk melaksanakan misalnya, pembiayaan memperbaiki jalan-jalan sama ada jalan raya kecil ataupun jalan-jalan untuk batu lombong di dalam kawasan kampung pendalaman.

Sebenarnya, harga batu lombong itu katalah misalnya 10 ela dalam satu lori itu harganya lebih kurang \$40.00 tetapi apabila dilaksanakan oleh kerana banyaknya orang-orang yang mengambil yang ada kesempatan yang saya rasa tidak bertanggungjawab kepada kekuasaan pada mereka itu maka harga batu lombong yang berharga \$40.00 selori itu sudah menjadi \$150.00. Ini bermakna kalau peruntukan bagi sesebuah kampung itu katalah diperuntukkan sebanyak \$1,000 atau \$2,000 boleh kita bekalkan sebanyak 100 lori atau 200 lori hanya tinggal sebanyak tidak sampai pun setengah daripada apa yang sepatutnya didapati oleh kampung itu untuk pembangunan yang saya sebutkan tadi.

Jadi, ini bererti sebanyak mana pun Kerajaan akan melonggokkan wangnya untuk pembangunan projek-projek kecil yang kita hendak laksanakan untuk tahun 1984, 1985 dan seterusnya tahun akan datang tidak akan terlaksana dengan begitu baik sekiranya setiap projek itu ada di antaranya yang mengambil kesempatan di atas pelaksanaan projek-projek tersebut. Maka dengan ini saya berharap kepada Jabatan Perdana Menteri yang menjalankan tugas sebagai Unit Penyelarasan Pelaksanaan supaya mengesan projek-projek yang dijalankan itu benar-benar sebagaimana yang dicatat di dalam voucher-voucher yang dituntut atau dilaksanakan.

Sebagai contoh melaksanakan jambatan umpamanya. Di dalam voucher di tuntutan kayu untuk melaksanakan jambatan itu kayu cengal, harganya beribu ringgit tetapi pelaksanaannya dibuat bukannya kayu cengal tetapi kayu keras—kayu kempas. Jadi, dengan kerana itu bukan sahaja ketahanan jambatan yang dibina itu tidak ada umpamanya bulan ini dibuat, 10 bulan lagi sudah rosak, terpaksa diganti lagi. Jadi, manalah cukup wang Kerajaan dengan cara pemalsuan yang seperti itu. Maka saya berharap siapa yang menjaga, siapa yang follow up di atas pelaksanaan ini sama ada betul atau tidak jambatan itu dibuat, jalan yang dibuat mengikut sebagaimana yang dituntut sama ada di Pejabat Daerah atau di Pejabat Kerajaan Negeri atau di peringkat Kerajaan Pusat.

Saya bagi satu contoh lagi, ini saya masuk dalam projek-projek kita hendak membantu peniaga-peniaga kecil, muka surat 75. Kerajaan atau Jabatan Perdana Menteri memperuntukkan beratus juta untuk membina gerai-gerai peniaga-peniaga kecil. Setelah saya periksa sepatutnya gerai yang dibina itu berharga \$5,000 sahaja tetapi dicharge sampai \$11,000, \$15,000, \$20,000 inilah perkara yang berlaku. Jadi, siapakah yang cek perkara ini? Ini yang saya tekankan kepada Jabatan Perdana Menteri supaya mereka yang berkuasa di Jabatan Perdana Menteri ini mengesan perkara-perkara yang seumpama ini supaya tidak dilakukan lagi di luar-luar bandar dengan adanya Projek Rancangan Pembangunan Luar Bandar daripada Jabatan Perdana Menteri ini supaya benar-benar wang Kerajaan, wang rakyat yang diperuntukkan begitu baik kepada Jabatan Perdana Menteri ini benar-benar kita gunakan dan benar-benar dapat dinikmati oleh rakyat mengikut program yang kita rancangan yang begitu baik sekali untuk dilaksanakan.

Tuan Pengerusi, saya suka juga menyentuh sedikit berkenaan dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Padang Rengas tadi mengenai B. 8. Perkhidmatan Awam. Oleh kerana jentera Perkhidmatan Awam yang kita kata jentera Kerajaan ini adalah merupakan satu Perkhidmatan Awam yang benar-benar memberi kesan kepada jentera Kerajaan kerana Jabatan Perkhidmatan Awam ini kalau tidak dijaga dengan begitu baik maka segala pelaksanaan yang kita rancangan dalam Rancangan Malaysia Yang Keempat, dalam Rancangan Malaysia Yang Ketiga, dalam Rancangan Malaysia Yang Kelima yang akan datang dan sebagainya tidak akan mencapai ke matlamat atau tahap yang kita rancangan di atas kertas ini.

Oleh kerana Perkhidmatan Awam adalah menyentuh kepada keseluruhan pentadbiran Kerajaan kita, maka Perkhidmatan Awam merupakan satu Perkhidmatan Awam yang memang diharapkan sangat oleh rakyat untuk dijaga dengan begitu baik. Maka saya berharap sepertimana kata Yang Berhormat dari Padang Rengas tadi mestilah tiap-tiap kakitangan Perkhidmatan Awam ini diterapkan dengan perasaan nilai yang bertanggungjawab kepada mereka yang kalau dahulu kita kata bekerja makan gaji dengan Kerajaan, kita mesti katakan pada hari ini bahawa kita bukan lagi bekerja makan gaji dengan Kerajaan tetapi kita bekerja dengan Kerajaan kita sendiri, dengan diri kita sendiri, dengan negara kita sendiri, dengan agama Islam kita sendiri, dengan bangsa kita sendiri maka dengan nilai-nilai itulah yang kita harapkan memainkan peranan Bahagian 8, Butiran 1100, muka surat 177 ini iaitu Instituti Tadbiran Awam Negara dapat memainkan peranan menerapkan semangat nilai-nilai yang begitu tinggi kepada kakitangan Perkhidmatan Awam kita.

Di samping itu, Tuan Pengerusi, saya tidaklah hendak menyalahkan walaupun ada sebahagian daripada kakitangan Kerajaan atau Perkhidmatan Awam kita yang begitu tidak baik perkhidmatan mereka tetapi kadang-kadang kita kalau kita fikirkan setiap anggota kakitangan Kerajaan yang menjalankan tugas mereka itu kadang-kadang merasa frust bukanlah disebabkan apa-apa tetapi adalah disebabkan layanan-layanan yang dibuat oleh ketua-ketua jabatan berkuasa kepada mereka atau kadang-kadang ada kalanya tidak bertimbang rasa.

Umpamanya dari segi kenaikan pangkat, perjawatan dan sebagainya, dari segi pertukaran dan sebagainya kadang-kadang ada ketua jabatan yang menggunakan kuasanya oleh kerana perasaan sentimen malah kepada pegawai kakitangan yang di bawahnya menukar atau tidak menaikkan pangkatnya dan sebagainya ini semua adalah menyebabkan kakitangan Kerajaan kita tidak akan menjalankan tugasnya dengan begitu baik. Tetapi sekiranya ada kerjasama, ada timbang rasa di antara ketua jabatan dengan kakitangan yang ada di bawah kawalannya tentulah saya rasa khidmat yang akan dijalankan oleh kakitangan di jabatan itu terhadap ketua jabatannya akan berjalan dengan begitu baik dan apabila ketua jabatan dengan pihak-pihak kakitangan mempunyai perasaan saling memahami di antara satu sama lain saya rasa jentera Kerajaan ini akan dapat berjalan dengan baik sekali. Maka di sini saya berharap supaya Ketua-ketua Jabatan, Ketua-ketua Setiausaha Kementerian dan sebagainya yang benar-benar berkuasa supaya benar-benar mempunyai sikap bertimbang rasa dalam menjalankan tugas demi untuk supaya jentera Kerajaan ini dapat berjalan dengan begitu licin demi

untuk kepentingan rakyat, kepentingan negara yang sangat-sangat kita cintai dan kasihani ini.

Saya rasa tekanan ini perlu saya tekankan di dalam menyeru Jabatan Perdana Menteri ini dengan kuasa-kuasa yang ada pada tiap-tiap mereka yang begitu berkuasa dengan tujuan segala apa juga yang kita luluskan peruntukan kewangan di dalam membahaskan Belanjawan dan tiap-tiap Kementerian yang kita bincangkan ini dapat memberi kesan dari segi perlaksanaannya, kerana dari segi peruntukannya, saya rasa tidak payah kita perbahaskan lagi adalah sangat-sangat logik dan munasabah tetapi yang penting sekarang ialah kita hendak menerapkan kepada jentera Kerajaan kita supaya berjalan dengan begitu baik, dengan begitu lancar maka hasilnya barulah dapat kita nikmati keseluruhan sama ada kakitangan Kerajaan ataupun kepada rakyat di dalam negara ini.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Berapa orang lagi hendak bercakap? Dua sahaja. Bolehkah jangan panjang? Saya hendak minta Menteri golongan. Sila Ahli dari Tanjong Karang.

6.04 ptg.

Datin Paduka Zaleha binti Ismail (Tanjong Karang): Tuan Pengerusi, saya akan menyentuh iaitu B. 7 Butiran 1100 hingga 2900 khusus mengenai Unit Hal Ehwal Wanita.

Saya bagi pihak wanita mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan yang telah bersetuju memenuhi keperluan-keperluan wanita iaitu sejak tahun 1976 sebagaimana memenuhi resolusi Tahun Wanita Antarabangsa, satu majlis yang dinamakan Majlis Penasihat Kebangsaan mengenai

Intergrasi Wanita dalam Pembangunan telah ditubuhkan dalam tahun 1976 yang nama ringkasnya NACIWID dan pada tahun 1983 satu unit hal ehwal wanita telah ditubuhkan di bawah Jabatan Perdana Menteri dan seorang Timbalan Menteri wanita yang diberi tanggungjawab mengenai hal ehwal wanita. Unit Hal Ehwal Wanita sebenarnya telah dicadangkan, dipersetujui dan diluluskan 15 orang kakitangan yang diketuai oleh pegawai pangkat Tingkatan Tertinggi "G" iaitu 15 orang kakitangan ini terdiri daripada 8 orang pegawai dan 7 orang kakitangan lain tetapi dalam keadaan sekarang ini ia hanya mempunyai seorang pegawai Tingkatan Tertinggi "G" seorang Pegawai Kerani, seorang Pembantu Kerani dan seorang Pelayan Pejabat.

Dari peruntukan tahun 1984, saya kurang pasti sama ada kesemua perjawatan ini dapat diisi kerana tambahan kos kakitangan yang tercatat dalam Anggaran Belanjawan hanyalah \$4,200. Jumlah peruntukan bagi Unit Hal Ehwal Wanita sebanyak \$878,250 bagi tahun 1984. Ini meliputi sewaan pejabat, gaji dan upahan, utiliti, perhubungan, tabahan kos kakitangan, elaun lebih masa, elaun tetap, pengangkutan orang dan perbelanjaan sara hidup, pengangkutan barang-barang, penyelenggaraan dan pembaikan kecil yang dibeli dan perkhidmatan iktisas.

Unit Hal Ehwal Wanita ini menjadi urusetia kepada NACIWID atau Majlis Penasihat Kebangsaan mengenai Intergrasi Wanita dalam Pembangunan, yang dalam konteks peranannya sebagai badan penasihat, perunding dan penyelarasan menjalankan berbagai-bagai aktiviti iaitu penyelidikan atas isu-isu penting dan mengenal pasti masalah-masalah wanita, menganjurkan persidangan-persidangan, seminar, forum, diskusi di peringkat kebangsaan, ASEAN dan juga antarabangsa; menganjurkan

kursus-kursus kepimpinan dan juga pembangunan usahawan wanita, menubuhkan pusat data mengenai hal ehwal wanita dalam pembangunan; menerbitkan segala dapatan dari penyelidikan-penyelidikan untuk kegunaan agensi-agensi dan badan-badan Kerajaan yang membuat dasar yang melibatkan wanita. Meneliti pelbagai undang-undang, peraturan-peraturan dan akta berkaitan dengan wanita dan kanak-kanak terutamanya mengenai perkahwinan dan perceraian, saraan dan kebajikan kanak-kanak. Kesemua ini adalah usaha untuk menentukan intergrasi sepenuhnya wanita dalam pembangunan.

Saya ucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat dari Baling yang telah menyentuh mengenai Unit Hal Ehwal Wanita yang mengatakan bahawa Syurga di bawah tapak kaki wanita. Saya suka membetulkan, bukan di bawah tapak kaki semua wanita tetapi adalah di bawah tapak kaki ibu. (*Tepuk*)

Memandangkan bahawa wanita adalah 49% dari penduduk negara ini dan lebih kurang 50% daripada pengundi-pengundi yang sama-sama membentuk Kerajaan Barisan Nasional pada pendapat wanita peruntukan yang sebanyak \$878,250 ini adalah tidak mencukupi dan saya merayu kepada Kerajaan agar peruntukan ini dapat ditambah supaya Urusetia yang dinamakan Unit Hal Ehwal Wanita ini dapat menjalankan tugas-tugasnya dengan baik dan sempurna dan menghasilkan kajian-kajian dan dapatan-dapatan yang boleh membantu pihak Kerajaan dalam membuat dasar.

Seterusnya saya bagi pihak wanita berharap wanita terus mendapat layanan yang sama dalam latihan-latihan dan juga kenaikan-kenaikan pangkat dan lain-lain kemudahan dalam semua bidang dan perkhidmatan.

Tuan Pengerusi: Sila, jangan panjang sangat.

6.07 ptg.

Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad (Tumpat): Tuan Pengerusi, saya hanya ingin menyentuh Bekalan 7, Program (5) Pentadbiran Agama Islam secara ringkas.

Tuan Pengerusi, kita di Malaysia ini agak bertuah kalau dibandingkan dengan negara-negara Islam yang ada di atas dunia ini kerana bukan sahaja dari segi kita di Malaysia ini mempunyai agensi-agensi agama yang berbilang kalau hendak dibandingkan dengan negara-negara Islam yang lain tetapi di negara kita ini juga wujud satu bahagian agama diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri sendiri dan banyak perkara-perkara yang berhubung dengan agama sehingga setakat hari ini Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri atau Pentadbiran Agama Islam di bawah Jabatan Perdana Menteri telahpun memainkan satu peranan yang amat mengembirakan dan amat memuaskan. Peranan-peranan ini kita dapat lihat dari segi penyelarasan dan dari segi menggerakkan kegiatan-kegiatan agama di peringkat negeri di mana kuasa-kuasa agama pada umumnya adalah berada di negeri masing-masing. Tetapi walau bagaimanapun, saya ingin menarik perhatian bahawa ada beberapa perkara yang rasanya boleh diperkemas dan boleh memberi kesan lagi kepada kegiatan-kegiatan Islam di negara kita hari ini.

Walaupun dikatakan bahawa pentadbiran agama di bahagian agama di Jabatan Perdana Menteri itu hanya dari segi penyelarasan dan tugasnya dari segi menggerak dan menyelaras aktiviti agama di negeri-negeri tetapi sehingga setakat hari ini dari segi penyelarassannya agak belum memuaskan dan belum memberi kesan yang

sesungguhnya. Sebagaimana sahabat saya dari Padang Rengas tadi menimbulkan bahawa jelas di dalam agama Islam sendiri masalah kurafat, masalah bidaah, masalah keramat, pemujaan sesama makhluk adalah satu perkara yang tidak dikehendaki oleh Islam dan ternyata ada beberapa negeri telahpun mengambil tindakan seperti Negeri Melaka tetapi nampak di kebanyakan negeri seperti di Perak, di Selangor, hatta di wilayah Persekutuan inipun, hatta di negeri Kelantan pun masih ada tempat-tempat yang bidaah, kurafat dan pemujaan yang seumpama itu masih wujud tetapi tindakan-tindakan tidak diselaraskan sebagaimana yang dilaksanakan di negeri Melaka baru-baru ini.

Saya mengucapkan syabas kepada Kerajaan Negeri Melaka dan tahniah kepada Majlis atau Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri Melaka yang berani mengambil tindakan seumpama itu walaupun ada pihak-pihak yang tertentu mengatakan bala akan turun kepada Majlis Agama, nampaknya bukan bala, tetapi satu nikmat yang besar kepada Jabatan Agama Negeri Melaka bahkan kepada umat Islam seluruhnya.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi saya ingin menarik perhatian kepada ucapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada satu hari di dalam tahun ini di Kompleks Tabung Haji ketika merasmikan Kursus Keselamatan bagi Kadi-kadi seluruh Malaysia. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telahpun bersetuju bahawa taraf Kadi-kadi dan Mahkamah Syariah akan ditingkatkan seimbang kepada taraf Majistret dan Mahkamah Sivil dari segi pentadbiran, kedudukan dan perkhidmatan mereka. Pengumuman ini dan berita ini adalah amat mengembirakan sekali bukan sahaja

di kalangan pegawai-pegawai yang berkenaan ataupun bukan sahaja di kalangan Kadi-kadi ataupun bukan sahaja di kalangan orang yang terlibat dalam masalah ini tetapi telah menimbulkan satu kegembiraan yang besar bagi umat Islam kerana ini adalah merupakan suatu perkara yang telahpun ditimbulkan oleh masyarakat Islam sejak awal tahun enam puluhan dahulu. Kalau tidak silap saya di zaman Allahyarham Tun Abdul Razak lagi satu Jawatankuasa telahpun ditubuhkan untuk membuat kajian, untuk hendak membuat penyelidikan dan satu semakan tentang kedudukan Kadi-kadi dan Mahkamah Syariah.

Pihak pegawai-pegawai agama hari ini menunggu tentang pengumuman itu. Pihak pegawai-pegawai agama hari ini sedang menanti jaminan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, pengumuman yang telahpun dibuat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Kita tidak tahulah sejauh mana berita baik itu akan.

Tuan Pengerusi, yang kedua saya ingin menarik perhatian tentang permasalahan-permasalahan agama atau isu-isu agama yang timbul di dalam masyarakat Islam di negara kita hari ini. Di Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri ada satu Bahagian yang dinamakan Pusat Penyelidikan Islam. Pusat Penyelidikan Islam ini telahpun memainkan peranannya sebagai agensi membuat penyelidikan hal-hal yang berhubung dengan isu-isu Islam semasa di negara kita hari ini.

Saya ingin menyeru kepada Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri tentang resolusi-resolusi Ijmak Ulamak-ulamak Se Malaysia yang berlangsung pada 6hb sehingga 9hb dan tamat penutup perasmianya semalam, ialah tentang beberapa resolusi yang pada hemat saya

Bahagian Agama, Pusat Penyelidikan Islam boleh memainkan peranan yang penting sebagai menyahut kehendak-kehendak ulamak seluruh Malaysia dalam persidangannya yang diadakan selama 4 hari di Kuala Terengganu.

Ada 10 perkara yang ditimbulkan oleh ulamak-ulamak yang telah dijadikan resolusi. Di antaranya yang paling penting yang pada hemat saya Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri terutamanya Pusat Penyelidikan Islam, boleh membuat sesuatu supaya mengelakkan kekeliruan yang timbul di dalam masyarakat kita hari ini.

Ijmak Ulamak-ulamak 2-3 hari yang lepas telahpun mengeluarkan satu resolusi yang pada hemat saya elok ditimbulkan di sini untuk perhatian Bahagian Agama ialah tentang takrif "Ulamak". Mereka memberi takrif "Ulamak" adalah ahli ilmu pengetahuan yang mempunyai ciri-ciri:

- (1) berkebolehan dalam bidang-bidang agama Islam;
- (2) dapat memahami kitab-kitab agama yang muktabar dalam Bahasa Arab;
- (3) dapat mengejar dengan kaedah-kaedah yang sesuai; dan
- (4) beramal dengan ilmunya dengan penuh Taqwa dan Iman.

Takrif ini perlu dikaji dan takrif ini perlu dibuat penyelidikan dan takrif ini juga perlu disebarkan kepada orang ramai kerana wujud di akhir-akhir ini, wujud dalam masyarakat kita, satu golongan yang mengulamkan orang-orang jahil dan menjahilkan golongan-golongan ulamak. Mana-mana ulamak yang difikir tidak sebulu dengannya, mana-mana ulamak yang difikir tidak dapat mencapai matlamat atau muslihatnya maka ulamak-ulamak itu dijahilkan dan mana-mana orang jahil

yang boleh digunakan maka orang itu diulamkan. Perkara ini telah merebak di kalangan masyarakat kita dan kalau tidak dikawal, tidak dijaga dan Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri, Pusat Penyelidikan Islam tidak membuat sesuatu penyelidikan tentang takrif ini, kemudian Institut Dakwah yang ada di Bahagian itu tidak cuba mengheboh-heboh menyampaikan, mentablighkan perkara ini kepada masyarakat umum, maka rasanya apa yang dipersetujui oleh ulamak seluruh Malaysia yang bersidang selama 4 hari itu tidak banyak memberi faedahnya dan segala resolusi ini sudah tentu agensi Kerajaanlah yang dapat membantu mereka untuk hendak menyampaikan kepada masyarakat umum. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Saya minta Menteri yang berkenaan menjawab.

6.15 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili): Tuan Pengerusi, nampaknya masa untuk saya menggulung ataupun memberi jawapan sangat singkat.

Tuan Pengerusi: Boleh sambung esok.

Datuk Dr James P. Ongkili: Terima kasih, itu yang saya minta dari Tuan Pengerusi (*Ketawa*).

Tuan Pengerusi, saya telah mendengar ucapan-ucapan dari tidak kurang daripada 16 orang Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ini dan yang pertama ialah Ahli dari Batu Pahat yang telah menimbulkan soal Public Accounts Committee atau Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara Dewan Rakyat yang mana hanya dapat bermesyuarat kadang-kadang ataupun selepas 2 Dewan bersidang kerana sibuk dengan urusan-urusan Dewan dan bersama-sama juga

dengan beberapa Ahli yang lain meminta supaya bantuan kerani, bantuan jurutaip dan sebagainya diberi untuk melicinkan tugas PAC. Ini memanglah akan dipertimbangkan oleh pihak yang berkenaan.

Ahli Yang Berhormat yang sama juga meminta supaya Dewan yang mulia ini bersidang pada hari Ahad bersama-sama dengan Ahli dari Batang Padang. Cadangan ini akan dipertimbangkan, akan tetapi memanglah ada beberapa perkara yang harus dihiraukan juga, misalnya pada hari Ahad itupun ada juga di kalangan masyarakat kita yang mempunyai urusan-urusan yang lain; tetapi walau bagaimanapun, Tuan Pengerusi, perkara ini boleh dipertimbangkan.

Ahli dari Jerantut telah menimbulkan dasar-dasar Kerajaan pada ketika ini terutama sekali konsep pengswastaan yang sedang diutarakan oleh pentadbiran kita yang ada sekarang. Sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Kerajaan beberapa kali di Dewan yang mulia ini dan juga oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri baru-baru ini dasar pengswastaan adalah satu dari dasar-dasar baru Kerajaan kita. Keadaannya ialah menerusi pemindahan, pemberian beberapa khidmat awam sama ada yang sedia ada ataupun yang baru kepada sektor swasta selaras dengan hasrat Dasar Ekonomi Baru. Harapan Kerajaan ialah menerusi pemindahan ini Kerajaan sendiri tidak lagi akan terpaksa menanggung perbelanjaan awam yang begitu tinggi. Di samping itu dengan corak pengendalian ke pihak swasta, rakyat dan pengguna boleh mengharapkan mutu dan kecekapan perkhidmatan yang lebih baik dari yang mereka telah dapati sekarang. Kerajaan akan bertanggungjawab menentukan supaya dasar ini akan dilaksanakan dengan memberi faedah yang tinggi kepada rakyat dan negara.

Langkah-langkah juga akan diambil oleh Kerajaan bagi memastikan agar rakyat pengguna dan golongan pekerja-pekerja tidak menghadapi sebarang masalah yang merugikan mereka kerana soal kedudukan pekerja-pekerja inilah yang penting diselaraskan apabila kita akan meninjau dasar dan pelaksanaan pengswastaaan ini.

Selaras dengan dasar ini adalah jelas pelaksanaannya iaitu berkait rapat dengan apa yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jerantut iaitu commercialization. Konsep yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu bolehlah dianggap sebagai satu syarat yang mesti ada bagi meninggikan kecekapan dan daya keuntungan syarikat-syarikat yang terlibat dalam dasar privatisation atau pengswastaaan itu.

Walau bagaimanapun, seperti yang telah ditegaskan sebelum ini bukanlah semua perkhidmatan Kerajaan akan diserahkan kepada swasta dan dari itu terpaksa di komesyialisasikan. Kerajaan akan sentiasa berhati-hati di dalam dasar ini apabila meluluskan mana-mana rancangan pengswastaaan.

Berhubung dengan tugas-tugas Jawatankuasa Pengswastaaan yang berurusetia di Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri, sukalah saya menegaskan bahawa Jawatankuasa ini telah diberi tanggungjawab yang luas untuk mengkaji dan menentukan kriteria-kriteria serta garis panduan-garis panduan yang perlu diikuti oleh agensi-agensi Kerajaan dalam menyediakan program-program pengswastaaan mahupun Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan-kerajaan Negeri.

Dalam pengkajiannya Jawatankuasa ini menimbangkan kesan pengswastaaan dari berbagai aspek termasuk daya keuntungan atau

feasibility, keupayaan sektor swasta, kedudukan kakitangan, keselamatan serta pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru.

Oleh kerana pelaksanaan dasar pengswastaaan ini akan berterusan dan hanya bermula pada ketika ini maka Kerajaan percaya Jawatankuasa ini akan dapat merancang kerjanya dengan lancar, berkesan dan seberapa sempurna.

Mengenai Sogoshosha ia merupakan satu konsep perdagangan bersepadu di mana beberapa buah syarikat menggabungkan semua aktiviti perdagangan mereka di bawah satu syarikat dengan tujuan untuk mendapatkan faedah, dengan izin, economies of scale, dan mempertingkatkan kecekapan operasi perdagangan dengan cara yang lebih berkesan. Konsep dan pelaksanaan syarikat-syarikat besar sogoshosha ini memanglah telah diselaraskan dariapda pembentukan sogoshosha-sogoshosha yang terdapat di negeri Jepun.

Dengan terbentuknya syarikat-syarikat ini adalah dijangka bahawa eksport negara dapat diperluaskan pada masa yang akan datang. Pada masa ini beberapa syarikat telahpun mengambil tindakan untuk mewujudkan syarikat-syarikat seperti ini di negara kita dan Kerajaan adalah memberi sokongan dan galakan untuk kejayaan syarikat-syarikat yang terlibat.

Suka saya merumuskan mengenai Dasar Persyarikatan Malaysia (Malaysia Incorporated) dan pengswastaaan ini dengan menyatakan bahawa Kerajaan sedang memperkenalkan dasar-dasar baru ini dan adalah perlu bagi rakyat faham secukupnya supaya tidak mudah terkeliru kerana seperti jua konsep-konsep atau dasar-dasar yang baru, Tuan Pengerusi, kalau rakyat kurang

faham maka kekeliruan mengenai dasar-dasar itu mungkin berlaku. Kerajaan akan memastikan dengan memberi penjelasan mengenai dengan dasar-dasar ini seperti yang telah dibuat kebelakangan ini dan di masa yang akan datang supaya negara dan rakyatnya bersama-sama dapat mengikuti perkembangan-perkembangan yang baru dari segi dasar negara kita ini.

Ahli dari Kuala Lumpur Bandar telah menimbulkan beberapa perkara dan khususnya mengenai dengan Lembaga Perpaduan Negara. Lembaga Perpaduan Negara, Tuan Pengerusi, adalah satu lembaga yang memang telah ditubuhkan sebenarnya sejak 1971 untuk memupuk perpaduan di kalangan rakyat yang berbilang keturunan di negara kita ini.

Mengenai program-program di bawah Rukun Tetangga, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar itu telah menimbulkan beberapa pendapat, misalnya beliau khawatir sama ada program Rukun Tetangga boleh mewujudkan perpaduan negara.

Suka saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat berkenaan, bahawa konsep baru Rukun Tetangga merangkumi sebahagian besar aktiviti kejiwaan iaitu satu kegiatan untuk menggalakkan penduduk di sesuatu kawasan yang mempunyai jiran-jiran hidup bersama, berkenal rapat dan mengenali antara satu sama lain dalam suasana muhibbah. Jadi kegiatan ini, sememangnya menjadi asas untuk rakyat bersatu-padu dalam suasana yang muhibbah. Jabatan Perpaduan Negara juga telah mengambil langkah-langkah, aktiviti yang banyak yang kesemuanya bertujuan untuk memperhebatkan dan memperluaskan lagi usaha dan kegiatan merapat dan menyatu-padukan rakyat di negara

kita termasuklah pengeluaran majalah-majalah yang mana menitik-beratkan titik tolak ataupun unsur-unsur penyatuan rakyat di seluruh negara kita ini.

Begitu juga penyelidikan sentiasa dijalankan oleh Jabatan Perpaduan Negara sekali lagi dengan tujuan mengenal pasti pertemuan, pemikiran rakyat dan dengan itu mencari jalan untuk memperkayakan lagi hubungan yang erat dan harmoni di kalangan rakyat berbilang keturunan di negara kita ini. Adalah tidak betul seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar yang Jabatan Perpaduan Negara telah wujud agak lama tetapi belum dapat mencapai matlamatnya.

Tuan Pengerusi, menyatu-padukan rakyat di negara kita ini bukanlah satu usaha yang boleh kita capai dengan sekelip mata sahaja; ianya memang akan memakan masa yang panjang dan dalam ukuran ini Jabatan Perpaduan Negara akan terus memainkan peranan yang penting.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar juga telah menimbulkan soal Biro Pengaduan Awam. Nampaknya isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar berkenaan dengan kawasan beliau sendiri yang mana memanglah akan ditujukan kepada pengundi-pengundi beliau sahaja. Walau bagaimanapun saya rela juga menjawab sedikit, Tuan Pengerusi. Misalnya Biro Pengaduan Awam telah berjalan dan menjalankan tugas-tugasnya dengan baik dan rakyat telah menyambut baik peranan Biro Pengaduan Awam ini. Tidak perlu pada masa ini dibentuk pejabat-pejabat di tiap-tiap negeri kecuali di Wilayah Timur iaitu di Kuching dan di Kota Kinabalu kerana dia jauh sedikit

daripada sini. Tetapi perjalanan Biro Pengaduan Awam ini sangatlah menggalakkan dan apabila kerajaan mempunyai kemampuan kita akan tambah lagi kakitangannya dan penyusulan kes-kes pengaduan-pengaduan yang disampaikan kepadanya.

Tuan Pengerusi: Masa sudah cukup.

Datuk Dr James P. Ongkili: Terima kasih.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sekarang hingga jam 3.00 petang esok, Jumaat, 11hb November, 1983.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.